

**PENGETAHUAN TEKNOLOGI PEDAGOGI KANDUNGAN
GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM AMALAN
PENGAJARAN JAWI SEKOLAH
KEBANGSAAN DI
MALAYSIA**

ZALEHA MUHAMMAD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGETAHUAN TEKNOLOGI PEDAGOGI KANDUNGAN GURU
PENDIDIKAN ISLAM DALAM AMALAN PENGAJARAN
JAWI SEKOLAH KEBANGSAAN DI MALAYSIA**

ZALEHA MUHAMMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپنورسیتی قندیدین سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15 April 2025

i. Perakuan Pelajar

Saya, ZALEHA MUHAMMAD (P20192001311) FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN Dengan Ini Mengaku Bahawa Disertasi/Tesis Yang Bertajuk PENGETAHUAN TEKNOLOGI PEDAGOGI KANDUNGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM AMALAN PENGAJARAN JAWI SEKOLAH KEBANGSAAN DI MALAYSIA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan Pelaja.

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof. Madya. Dr. Norhisham b. Muhamad dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGETAHUAN TEKNOLOGI PEDAGOGI KANDUNGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM AMALAN PENGAJARAN JAWI SEKOLAH KEBANGSAAN DI MALAYSIA dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh IJAZAH DOKTOR FALSAFAH.

15 April 2025

Tarikh

PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **PENGETAHUAN TEKNOLOGI PEDAGOGI
KANDUNGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM
AMALAN PENGAJARAN JAWI SEKOLAH
KEBANGSAAN DI MALAYSIA**

No. Matrik /Matric's No.: **P20192001311**
Saya / I : **ZALEHA MUHAMMAD**
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*

TIDAK TERHAD/OPEN ACCESS



(Tandatangan Pelajar/
Signature)



PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: 15 April 2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



DEDIKASI

Suamiku,

Mohd Salahudin bin Awang Ali. Dirimu amat bermakna untuk diri ini. Pengorbanan dan sokonganmu akan ku kenang sepanjang hayat. Kejayaanku, kejayaanmu jua.

Anak-anakku,

Nabila, Nawaal, Putra Ahmad Darwisy dan Putra Ahmed Dhiaa'. Doaku agar kalian menjadi insan berilmu, beriman, beramal soleh dan berguna untuk agama, bangsa dan negara.

Bondaku,

Hajjah Che Saniah Che Muhammad dan bonda mertuaku Hjh Che Anah serta ahli keluarga. Doamu, nasihatmu dan pengorbananmu menjadi pelita dan panduan perjuangan kehidupan ini. Terima kasih kerana sentiasa mendoakan kejayaanku.

Teman-temanku,

Kejujuran, keikhlasan dan suka duka kita bersama sepanjang persahabatan ini memberiku sejuta kekuatan akan ku kenang untuk selamanya. Budi kalian menjadi inspirasi dan aspirasi untukku menggapai impian.

Guru-guruku,

Prof. Dr. Aderi, Prof Madya Dr Norhisham, pensyarah-pensyarah, guru-guru serta sahabat-sahabat seperjuangan. Terima kasih kerana memberi bimbingan dan motivasi untuk capai kejayaan.

Al Fatihah,

Arwah ayahnda Hj Muhammad dan arwah ayahnda mertua Hj Awang Ali. Kalian tidak sempat bersama meraikan kejayaan ini. Doaku semoga rohmu dalam limpah kerahmatan Allah S.W.T





PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT. Tuhan seluruh alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W dan seluruh keluarga serta para sahabat baginda. Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T kerana memberikan saya nikmat Kesihatan dan kematangan fikiran untuk terus iltizam menyiapkan kajian ini dalam masa yang telah ditetapkan. Jutaan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian ini secara langsung atau tidak langsung khususnya kepada penyelia Prof. Dr. Aderi bin Che Noh dan Prof. Madya. Dr. Norhisham bin Mohamed yang sentiasa memberi aspirasi, motivasi, bantuan, bimbingan, teguran dan nasihat yang amat bermakna sepanjang kajian ini. Tidak lupa juga ucapan setinggi terima kasih kepada semua pensyarah yang menyumbang kepakaran banyak membantu dan menguatkan lagi semangat saya untuk menyiapkan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada panel-panel pembentangan proposal, pensyarah-pensyarah pakar di atas kesudian menyemak instrumen kajian bagi tujuan pengesahan kandungan mengikut kepakaran masing-masing. Jutaan terima kasih juga kepada pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang memberikan saya peluang untuk menimba ilmu pengetahuan yang amat bermakna pada tahap ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri dan Guru Besar sekolah yang terlibat kerana membuka ruang seluas-luasnya untuk kajian ini dijalankan. Tidak ketinggalan juga kepada semua peserta kajian iaitu guru Pendidikan Islam yang sanggup bekerjasama dan rela hati untuk terlibat dan menyumbang dalam proses perolehan data kajian. Buat keluarga, ibuku Hjh. Che Saniah binti Che Muhammad dan arwah bapa Hj Muhammad bin Awang, suami kesayangan Mohd Salahudin bin Awang Ali serta anak-anak yang dikasihi Nabila, Nawaal, Putra Ahmad Darwisy dan Putra Ahmed Dhiaa' terima kasih atas doa, pengorbanan, sokongan dan dorongan. Kalian semua merupakan sumber kekuatan, inspirasi dan motivasi dalam proses pembelajaran ini. Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dalam menyiapkan tesis ini. Hanya Allah S.W.T. sahaja yang dapat memberi ganjaran terhadap segala sumbangan dan bantuan tersebut. Semoga kita semua sentiasa mendapat kebahagiaan dan keredhaan Allah SWT di dunia dan akhirat. Amin Ya Rab al-Alamin.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pengajaran Jawi di sekolah kebangsaan seluruh Malaysia, di samping mengkaji hubungan antara PTPK dan amalan pengajaran GPI. Berdasarkan tinjauan terhadap 378 GPI yang dipilih melalui pensampelan rawak berlapis dan kelompok, dapatan menunjukkan bahawa GPI memiliki pandangan positif terhadap tahap keseluruhan PTPK, tetapi menunjukkan tahap sederhana dalam amalan pengajaran. Kajian ini juga mendedahkan perbezaan signifikan dalam PTPK berdasarkan faktor jantina dan infrastruktur, sementara faktor lokasi dan pengalaman mengajar tidak menunjukkan kesan ketara. Analisis korelasi mendapati hubungan positif dan signifikan antara setiap komponen PTPK terhadap amalan pengajaran guru-guru Pendidikan Islam (GPI). Sementara itu, analisis regresi berganda mengenal pasti bahawa infrastruktur memainkan peranan sebagai pengantara dalam meningkatkan hubungan antara PTPK dan amalan pengajaran. Kajian ini mencadangkan Model Peningkatan Bidang Jawi Berasaskan Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*) sebagai langkah untuk memperkukuh keberkesanan pengajaran Jawi di sekolah kebangsaan, yang berpotensi meningkatkan kemahiran membaca dan menulis Jawi dalam kalangan generasi muda. Implikasi kajian ini menekankan keperluan integrasi teknologi yang lebih baik, peningkatan infrastruktur, dan penyediaan pendekatan pengajaran yang inovatif untuk menyokong pelaksanaan pembelajaran abad ke-21, khususnya dalam pengajaran Jawi dan seterusnya meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dan menulis Jawi dalam kalangan generasi muda di Malaysia.





TECHNOLOGICAL PEDAGOGICAL CONTENT KNOWLEDGE ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN JAWI TEACHING PRACTICES OF PRIMARY SCHOOL IN MALAYSIA

ABSTRACT

This study aims to assess the level of Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK) among Islamic Education teachers (GPI) in teaching Jawi at primary schools across Malaysia while examining the relationship between TPACK and teaching practices. Based on a survey involving 378 GPIs selected through stratified random and cluster sampling, findings indicate that GPIs possess a positive perception of their overall TPACK levels but exhibit moderate performance in teaching practices. The study also reveals significant differences in TPACK levels based on gender and infrastructure, while factors such as location and teaching experience show no significant impact. Correlation analysis identifies a positive and significant relationship between TPACK components and teaching practices. Furthermore, multiple regression analysis highlights infrastructure as a mediating factor in enhancing the relationship between TPACK and teaching practices. The study proposes a Blended Learning-Based Jawi Enhancement Model as a strategy to improve the effectiveness of Jawi instruction in primary schools, which has the potential to enhance reading and writing proficiency in Jawi among younger generations. The study's implications emphasize the need for better technological integration, improved infrastructure, and innovative teaching approaches to support 21st-century learning, particularly in Jawi education, ultimately advancing literacy skills in Malaysia's younger population.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xx
SENARAI SINGKATAN	xxiii
SENARAI ISTILAH	xxiv
SENARAI TRANSLITERASI	xxv
SENARAI LAMPIRAN	xxviii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	8
1.3 Pernyataan Masalah	16
1.4 Tujuan Kajian	26
1.5 Objektif Kajian	27
1.6 Soalan Kajian	28
1.7 Hipotesis Kajian	30
1.8 Kerangka Teori Kajian	31

1.9	Kerangka Model Kajian	35
1.10	Kerangka Konseptual Kajian	49
1.11	Kepentingan Kajian	54
1.12	Batasan Kajian	59
1.13	Definisi Operasional	61
1.13.1	Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK)	61
1.13.2	Pengetahuan Teknologi (PT)	62
1.13.3	Pengetahuan Pedagogi (PP)	63
1.13.4	Pengetahuan Kandungan (PK)	66
1.13.5	Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK)	67
1.13.6	Pengetahuan Teknologi Kandungan (PTK)	69
1.13.7	Pengetahuan Teknologi Pedagogi (PTP)	70
1.13.8	Amalan Pengajaran	71
1.13.9	Pengalaman Mengajar	72
1.14	Kesimpulan	73

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	75
2.2	Senario Kajian	76
2.2.1	Pengetahuan Guru	76
2.2.2	Konsep Kesepaduan dalam Aplikasi Pendidikan	82
2.2.3	Teras Pendidikan Bersepadu	84
2.2.4	Kepentingan Inovasi dalam Pendidikan	88
2.2.5	Sumber Teknologi di Sekolah	91
2.2.6	Perkembangan Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran di Malaysia	93
2.2.7	Pembelajaran Persekitaran Maya	97

2.2.8	Proses Pengajaran Guru	99
2.3	Teori-teori berkaitan Pembelajaran	110
2.3.1	Teori Pembelajaran Dalam Persekitaran Maya	110
2.3.2	Teori Pembelajaran Kognitivisme	111
2.3.3	Teori Pembelajaran Konstruktivisme	112
2.3.4	Teori Komunikasi	117
2.3.5	Teori Perubahan (Change Theory)	118
2.4	Model-Model Pengajaran	122
2.4.1	Model Pengajaran Ilmuan Islam	122
2.4.2	Model Pengajaran Bidang Jawi	125
2.4.3	Model Pengajaran Glaser	135
2.4.4	Model Pengajaran Sim	138
2.4.5	Model Pengajaran Biggs	139
2.5	Model Pembelajaran Teradun (Blended Learning) bagi Pengajaran Bidang Jawi	143
2.5.1	Perkembangan Pembelajaran Teradun di Malaysia	143
2.5.1.1	Budaya Pemikiran dalam Pembelajaran Teradun	149
2.5.1.2	Amalan Bring-Your-Own-Device (BYOD)	151
2.5.1.3	Kemahiran Literasi Digital	152
2.5.2	Konsep Pembelajaran Teradun di Malaysia	152
2.5.3	Model Pembelajaran Teradun	156
2.5.4	Konsep Pelaksanaan Model Pembelajaran Teradun	160
2.5.5	Proses Pembelajaran Teradun	163
2.5.6	Amalan Pembelajaran Teradun dalam Kalangan Guru	165

2.5.7	Inovasi Pembelajaran Melalui Pembelajaran Teradun (Blended Learning)	167
2.6	Konstruk-konstruk Utama Kajian	169
2.6.1	Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK)	169
2.6.2	Komponen PTPK Dari Tokoh Pemikir	173
2.6.2.1	Shulman (1987)	174
2.6.2.2	Grossman (1990)	174
2.6.2.3	Marks (1990)	176
2.6.2.4	Cochran et al., (1993)	176
2.6.2.5	Fernandez-Bolboa et al., (1995)	177
2.6.2.6	Magnusson et al., (1998)	178
2.6.3	Domain PTPK Sebutan Huruf Konsonan Bidang Jawi	178
2.6.4	PTPK Sebutan Huruf dan Penulisan Suku Kata Jawi	179
2.6.5	Sebutan Huruf dan Penulisan Suku Kata Jawi Pengetahuan Pedagogi (PP)	180
2.6.6	Komponen-komponen PTPK	187
2.6.6.1	Komponen Pengetahuan Teknologi (PT)	187
2.6.6.2	Komponen Pengetahuan Pedagogi (PP)	197
2.6.6.3	Komponen Pengetahuan Kandungan (PK)	213
2.6.7	Amalan Pengajaran Guru	229
2.6.7.1	Permulaan Pengajaran	230
2.6.7.2	Perkembangan Pengajaran	231
2.6.7.3	Penutup Pengajaran	235
2.6.7.4	Bahan Bantu Mengajar (BBM)	236

2.7	Tinjauan Kajian Lepas	238
2.7.1	Kajian berkaitan Kemahiran dan Pemikiran Guru Terhadap Penggunaan Teknologi dalam Amalan Pengajaran.	239
2.7.2	Kajian tentang PTPK Bidang Jawi bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Rendah	243
2.7.3	Kajian berkaitan Pembelajaran Berbantuan Teknologi	250
2.8	Keperluan dan Isu-isu berkaitan Pengintegrasian Teknologi bagi Pengajaran Bidang Jawi di Sekolah	251
2.8.1	Kepentingan Pengaplikasian Pembelajaran Teradun	251
2.8.1.1	Guru-Guru Berkemahiran Teknologi	253
2.8.1.2	Guru-Guru Berkemahiran Pedagogi	255
2.8.1.3	Guru-Guru Dengan Kreativiti	257
2.8.2	Penerimaan Guru Terhadap Pembelajaran Teradun	258
2.8.3	Cabaran dihadapi Guru-guru Dalam Pengintegrasian Persekitaran Maya	259
2.8.4	Kesan dan Cabaran Pembelajaran Berasaskan Pembelajaran Teradun	263
2.9	Kesimpulan	264

BAB 3 METHODOLOGI

3.1	Pendahuluan	267
3.2	Reka Bentuk Kajian	268
3.3	Lokasi Kajian	274
3.4	Populasi Kajian	274
3.5	Pensampelan	276
3.6	Instrumen Kajian	280
3.7	Soal Selidik	282

3.7.1	Soal Selidik Komponen PTPK	284
3.7.2	Soal Selidik Komponen Amalan Pengajaran GPI	286
3.8	Kajian Rintis	287
3.9	Kesahan Instrumen Kajian	289
3.10	Langkah Penentuan Kesahan Soal Selidik	290
3.11	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	292
3.12	Penentuan Normaliti	294
3.13	Tahap Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) Guru Pendidikan Islam	295
3.14	Pemboleh Ubah Amalan Pengajaran Guru	303
3.14.1	Grafik histogram	303
3.15	Prosedur Pengumpulan Data	312
3.16	Soal Selidik	314
3.17	Analisis Data	315
3.17.1	Analisis Deskriptif	316
3.17.2	Analisis Inferensi	316
3.17.3	Analisis Korelasi	317
3.17.4	Analisis Regresi	318
3.18	Confirmatory Factor Analysis (CFA) dan Structural Equation Modelling (SEM)	320
3.19	Kesimpulan	321
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pendahuluan	322
4.2	Profil Responden	323
4.3	Dapatan Analisis Deskriptif	328
4.3.1	Infrastruktur dan Prasarana	328
4.4	Pemikiran Guru-guru PI (GPI) terhadap Tahap PTPK	330

4.4.1	Pengetahuan Teknologi (PT)	331
4.4.2	Pengetahuan Pedagogi (PP)	335
4.4.3	Pengetahuan Kandungan (PK)	339
4.4.4	Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK)	343
4.4.5	Pengetahuan Teknologi Kandungan (PTK)	347
4.4.6	Pengetahuan Teknologi Pedagogi (PTP)	351
4.4.7	Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK)	355
4.5	Pemikiran Guru-guru PI (GPI) terhadap Tahap Amalan Pengajaran	360
4.5.1	Komponen Permulaan Pengajaran	360
4.5.2	Komponen Perkembangan Pengajaran	365
4.5.3	Komponen Penutup Pengajaran	371
4.5.4	Komponen Bahan Bantu Mengajar (BBM)	376
4.6	Analisis Statistik Inferensi	381
4.6.1	Analisis Perbezaan (Ujian Kruskal-Wallis)	381
4.6.2	Faktor Jantina	381
4.6.3	Faktor Lokasi	385
4.6.4	Faktor Pengalaman Mengajar	388
4.6.5	Faktor Prasarana dan Infrastruktur	393
4.7	Analisis Korelasi Spearman	397
4.7.1	Hubungan Antara Komponen PTPK	398
4.7.2	Hubungan Antara Komponen PTPK dan Amalan Pengajaran GPI	400
4.8	Analisis Regresi Berganda	403
4.9	Dapatan Kajian Exploratory Factor Analysis (EFA) Tahap Pengetahuan Guru	407

4.10	Dapatan Kajian Exploratory Factor Analysis (EFA) Amalan Pengajaran Guru	417
4.11	Dapatan Kajian Confirmatory Factor Analysis	424
4.12	Penghasilan Model Peningkatan Jawi berasaskan Pembelajaran Teradun (Blended Learning)	429
4.13	Kesimpulan	443

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	446
5.2	Ringkasan Kajian	447
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	448
5.4	Perbincangan Dapatan Deskriptif	449
5.5	Demografi GPI	449
5.6	Tahap Aspek-aspek PTPK	451
5.7	Tahap Aspek-aspek Amalan Pengajaran GPI	454
5.8	Perbincangan Dapatan Perbezaan	457
5.8.1	Faktor Jantina	458
5.8.2	Faktor Lokasi	460
5.8.3	Faktor Pengalaman Mengajar	462
5.8.4	Faktor Prasarana dan Infrastruktur Sekolah	465
5.9	Perbincangan Dapatan Korelasi	467
5.9.1	Korelasi di antara Aspek-aspek PTPK	467
5.9.2	Korelasi di antara PTPK dan Amalan Pengajaran	469
5.10	Perbincangan Dapatan Regresi Berganda	472
5.11	Implikasi Kajian	476
5.11.1	Implikasi Kajian kepada Model dan Teori	476
5.11.2	Implikasi kepada Amalan Pendidikan	479
5.12	Sumbangan Kajian	482

5.13	Cadangan Kajian Lanjutan	485
5.14	Rumusan Dapatan Kajian	489
5.15	Kesimpulan	491
	RUJUKAN	493
	LAMPIRAN	517

SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka Surat
3.1	Jumlah GPI di Seluruh Negara (sumber: KPM, 2021)	275
3.2	Populasi GPI Mengikut Zon	276
3.3	Sampel GPI Berdasarkan Zon di Malaysia	278
3.4	Skala dan Aras Persetujuan Item Soal Selidik	283
3.5	Instrumen Soal Selidik GPI (Latar Belakang)	284
3.6	Instrumen Soal Selidik GPI (Komponen PTPK)	285
3.7	Instrumen Soal Selidik GPI (Komponen Amalan Pengajaran)	286
3.8	Nilai <i>Alpha Cronbach</i> dan Indikator	293
3.9	Nilai <i>Alpha Cronbach</i> bagi kesemua Pemboleh Ubah Instrumen Kajian	294
3.10	Analisis Normaliti	301
3.11	Skewness dan Kurtosis Pemboleh Ubah Tahap Pengajaran Guru	302
3.12	Skewness dan Kurtosis Pemboleh Ubah Amalan Pengajaran Guru	312
3.13	Interpretasi Skor Min	316
3.14	Tafsiran Pekali Korelasi	317
4.1	Taburan Responden GPI Berdasarkan Lokasi Sekolah	323
4.2	Taburan Responden GPI Berdasarkan Jantina	324
4.3	Taburan Responden GPI Berdasarkan Pengalaman Mengajar	325
4.4	Taburan Responden GPI Berdasarkan Kelayakan Akademik	326

4.5	Taburan Responden GPI Berdasarkan Kursus Teknologi Maklumat yang Pernah Dihadiri Sepanjang Perkhidmatan	327
4.6	Dapatan Analisis Deskriptif (Infrastruktur dan Prasarana)	329
4.7	Taburan Data Deskriptif bagi Pemboleh Ubah PT	333
4.8	Taburan Data Deskriptif bagi Pemboleh Ubah PP	337
4.9	Taburan Data Deskriptif bagi Pemboleh Ubah PK	341
4.10	Taburan Data Deskriptif bagi Pemboleh Ubah PPK	345
4.11	Taburan Data Deskriptif bagi Pemboleh Ubah PTK	349
4.12	Taburan Data Deskriptif bagi Pemboleh Ubah PTP	353
4.13	Taburan Data Deskriptif bagi Pemboleh Ubah PTPK	358
4.14	Taburan Data Deskriptif bagi Pemboleh Ubah Permulaan Pengajaran	363
4.15	Taburan Data Deskriptif bagi Pemboleh Ubah Perkembangan Pengajaran	368
4.16	Taburan Data Deskriptif bagi Pemboleh Ubah Penutup Pengajaran	374
4.17	Taburan Data Deskriptif bagi Pemboleh Ubah BBM	378
4.18	Analisis Kruskal-Wallis (Rank) berdasarkan Jantina	383
4.19	Analisis Kruskal-Wallis berdasarkan Jantina (Test Statistics ^{a,b})	384
4.20	Analisis Kruskal-Wallis (Rank) berdasarkan Lokasi	387
4.21	Analisis Kruskal-Wallis berdasarkan Lokasi (Test Statistics ^{a,b})	388
4.22	Analisis Kruskal-Wallis (Rank) berdasarkan Pengalaman Mengajar	390
4.23	Analisis Kruskal-Wallis berdasarkan Pengalaman Mengajar (Test Statistics a,b)	392
4.24	Analisis Kruskal-Wallis (Rank) berdasarkan Infrastruktur dan Prasarana	395

4.25	Analisis Kruskal-Wallis berdasarkan Infrastruktur dan Prasarana (Test Statistics ^{a,b})	396
4.26	Rumusan Dapatan Analisis Perbezaan	397
4.27	Analisis Korelasi bagi Hubungan Antara Komponen-Komponen PTPK	399
4.28	Analisis Korelasi bagi Hubungan Antara Setiap Komponen PTPK dengan Setiap Komponen Amalan Pengajaran	402
4.29	Rumusan Dapatan Analisis Korelasi	403
4.30	Analisis Regresi Berganda (Ringkasan Model ^b)	406
4.31	Analisis Regresi Berganda (ANOVA ^a)	406
4.32	Analisis Regresi Berganda (Pekali-pekali ^a)	406
4.33	Rumusan Dapatan Kajian Sumbangan	407
4.34	Turutan extracted factors, factor loadings dan communalities bagi setiap item pada domain baru yang dikenalpasti	409
4.35	Turutan extracted factors, factor loadings dan communalities bagi setiap item pada domain baru yang dikenalpasti	418
4.36	Pengukuran Kebagusan Penyuaian Model (Goodness of fit) Confirmatory Factor Analysis	425
4.37	Pengukuran Kebagusan Penyuaian Model (Goodness of fit) Confirmatory Factor Analysis	427
4.38	Langkah 1 – Kesan Mediator Prasarana	432
4.39	Langkah 2 – Hubungkait di antara Amalan Pengajaran Guru Komponen Permulaan/Perkembangan/Penutup/BBM/Keseluruhan	433
4.40	Langkah 3 – Ujian Ramalan Mediator (Prasarana) terhadap Amalan Pengajaran Guru Komponen Permulaan/Perkembangan/ Penutup/ BBM/ Keseluruhan	437
4.41	Langkah 4 – Ringkasan	441

SENARAI RAJAH

No Rajah		Muka Surat
1.1	Teori “ <i>Malakah</i> ” tentang Pengetahuan	34
1.2	Kerangka Model Kajian	48
1.3	Komponen Teknologi Pedagogi Kandungan	50
1.4	Kerangka Konseptual PTPK dan Amalan Pengajaran GPI	53
2.1	Model Guru Berkualiti	80
2.2	Kesepaduan Strategi, Pendekatan, Kaedah dan Teknik	104
2.3	Teori Konstruktivisme (Piaget, 1973b)	114
2.4	Faktor Yang Mempengaruhi Pelaksanaan Program Baharu	119
2.5	Model Pengajaran Glaser	137
2.6	Model Pengajaran Sim	139
2.7	Model Pengajaran Biggs	142
2.8	Konsep Pembelajaran Teradun (sumber: KPM, 2015)	153
2.9	Percampuran Gaya Pembelajaran Teradun (Mosa et al., 2011)	154
2.10	Komponen dalam Blended Learning menurut Manjot (2013)	157
2.11	Konsep Pelaksanaan Model Peningkatan Jawi Berasaskan Pembelajaran Teradun	162
2.12	Model Pembelajaran Teradun	163
2.13	Komponen PTPK (AACTE, 2008)	170
2.14	Komponen Teknologi di dalam PTPK	189

2.15	Komponen Pedagogi di dalam PTPK	203
2.16	Model Pedagogi Sulaiman Ngah Razali	206
2.17	Model Shullman (1987)	215
2.18	Komponen Kandungan dalam PTPK	221
3.1	Pemilihan Sampel GPI	279
3.2	Graf Normaliti (Infrastruktur dan Prasarana)	297
3.3	Graf Normaliti (Pengetahuan Teknologi)	297
3.4	Graf Normaliti (Pengetahuan Pedagogi)	298
3.5	Graf Normaliti (Pengetahuan Kandungan)	298
3.6	Graf Normaliti (Pengetahuan Pedagogi Kandungan)	299
3.7	Graf Normaliti (Pengetahuan Teknologi Pedagogi)	299
3.8	Graf Normaliti (Pengetahuan Teknologi Kandungan)	300
3.9	Graf Normaliti (Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan)	300
3.10	Histogram Pemboleh Ubah Amalan Pengajaran Guru	304
3.11	Normal QQ Plot bagi Pemboleh Ubah Amalan Pengajaran Guru	305
3.12	Detrended Normal QQ Plot Pemboleh Ubah Amalan Pengajaran Guru	306
3.13	Plot Stem-and-Leaf Pemboleh Ubah Amalan Pengajaran Guru	307
3.14	Boxplot Pemboleh Ubah Amalan Pengajaran Guru	309
3.15	Graf Normaliti (Amalan Pengajaran - Komponen Permulaan)	310
3.16	Graf Normaliti (Amalan Pengajaran - Komponen Perkembangan)	310
3.17	Graf Normaliti (Amalan Pengajaran - Komponen Penutup)	311
3.18	Graf Normaliti (Amalan Pengajaran - Komponen BBM)	311

- 4.1 Bahan/aplikasi/alat yang digunakan oleh guru-guru PI (GPI) dalam pengajaran 330
- 4.2 Confirmatory Factor Analysis bagi Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan Pengajaran Guru Pendidikan Islam (PTPK), merangkumi Tahap Pengetahuan Teknologi (B), Tahap Pengetahuan Pedagogi (C), Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan (DE), Tahap Pengetahuan Teknologi Kandungan (F), Tahap Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (FGH) dan Tahap Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (H) 424
- 4.3 Confirmatory Factor Analysis bagi AmalAjarI (Amalan Pengajaran Guru (Pembukaan/Perkembangan/Penutup)), AmalAjarII (Amalan Pengajaran Guru (Bahan Bantu Mengajar)), AmalAjarIII (Amalan Pengajaran Guru (Pembukaan/Perkembangan/Penutup/Bahan Bantu Mengajar)), AmalAjarIV (Amalan Pengajaran Guru (Penutup)), AmalAjarV (Amalan Pengajaran Guru (Pembukaan)) dan AmalAjarVI (Amalan Pengajaran Guru (Bahan Bantu Mengajar)) 427
- 4.4 Hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tidak bersandar dengan amalan pengajaran GPI 431
- 5.1 Dapatan bagi Penghasilan Model Peningkatan Jawi Berasaskan Pembelajaran Teradun (Blended Learning) 475

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	Analysis of Variance
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BPG	Bahagian Profesionalisme Guru
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
BYOD	Bring-Your-Own-Device
CFA	Confirmatory Factor Analysis
CFI	Comparative Fit Index
COVID-19	Coronavirus
EPRD	Bahagian Penyelidikan Dasar Pendidikan
FPI	Falsafah Pendidikan Islam
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
GFI	Goodness of Fit Index
GPI	Guru Pendidikan Islam
IPG	Institut Pendidikan Guru
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JPI	Jabatan Pendidikan Islam
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
j-QAF	Jawi, al-Quran, Arab, Fardu Ain
KAFA	Kelas al Quran dan Fardhu Ain
KBKK	Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis
KCJ	Kem Cemerlang Jawi

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
NRC	National Research Council
PAFA	Penilaian Asas Fardu Ain
PAK21	Pembelajaran Abad ke-21
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PI	Pendidikan Islam
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PK	Pengetahuan Kandungan
PKG	Pusat Kegiatan Guru
PP	Pengetahuan Pedagogi
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Perancangan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PT	Pengetahuan Teknologi
PTK	Pengetahuan Teknologi Kandungan
PTP	Pengetahuan Teknologi Pedagogi
PTPK	Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan
RMSEA	Root Mean Square of Error Approximation
SEM	Structural Equation Modelling
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UA	Universiti Awam
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
VLE	Virtual Learning Environment



SENARAI ISTILAH

<i>Sami'yat</i>	Perkara yang tidak dapat digambarkan dengan pancaindera manusia dan hanya dapat diketahui melalui al-Quran dan al-Hadis.
<i>Qada' dan Qadar</i>	Ketentuan atau ketetapan Allah swt dari sejak zaman azali tentang segala sesuatu yang berkenaan dengan makhluk-Nya sesuai dengan iradah (kehendak-Nya), meliputi baik dan buruk, hidup dan mati, dan seterusnya.
<i>Wahdaniah</i>	Esa atau tunggal.
<i>Qudrah</i>	Berkuasa.
<i>As-Salam</i>	Terpelihara daripada aib dan kekurangan
<i>Al-Hadi</i>	Maha Memberi Pertunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya.
<i>Iradah</i>	Berkehendak
<i>Hayat</i>	Hidup
<i>Al-Sabru</i>	Maha Sabar
<i>Al-Hakim</i>	Maha memberi keadilan.
<i>Aql' Tamyiz</i>	Akal yang membezakan
<i>Aql' Tajribi</i>	Akal yang menganalisis
<i>Aql' Nazori</i>	Akal yang melihat dengan pedoman wahyu
<i>Ta'alim</i>	Proses membentuk pengetahuan, kefahaman, penganalisan dan seterusnya pengamalan dengan bermatlamat melahirkan keseimbangan akhlak dan tindakan
<i>Rehlah</i>	Pengembaraan / Perjalanan



SENARAI TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	,	سأل	sa'ala
ب	B	بدل	badala
ت	T	تمر	tamr
ث	TH	ثورة	thawrah
ج	J	جمال	jamal
ح	H	حديث	hadith
خ	Kh	خالد	khalid
د	D	ديوان	diwan
ذ	Z	ذمزم	zamzam
ر	R	رحمن	rahman
س	S	سراب	sarab
ش	Sh	شمس	shams
ص	S	صبر	sabr
ض	D	ضمير	damir
ط	T	طاهر	tahir
ظ	Z	ظهر	zuhr
ع	c	عبد	°abd
غ	Gh	غيب	ghayb
ف	F	فقه	fiqh
ق	Q	قاضي	qadi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xxvi

ك	K	كنس	ka's
ل	L	لين	laban
م	M	مزمار	mizmar
م	M	مذهب	madhhab
ن	N	نوم	nawn
ه	H	هبط	habata
و	W	وصل	wasala
ي	Y	يسر	yasar



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ا	A	فعل	Fa ^o ala
ا	I	حساب	Hasiba
ا	U	كتب	Kutiba

Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ا	A	فعل	Katib, qada
ا	I	حساب	Karun
ا	U	كتب	Huruf

Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
	aw		Qawl
	ay	حساب	Sayf
	Iyy/i	كتب	Raj ^o iyy/raj ^o i
	Uww/u	عدو	^o aduww/ ^o adu





SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik
- B Jadual Sampel Persamplan Krecjie & Morgan
- C Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dan Penyelidikan
- C Surat Kebenaran
- D Surat Pelantikan Pakar Penilai Pengesahan Instrumen Soal Selidik
- E Surat Kelulusan Penyelidikan
- F Borang Cadangan Penilai
- G Senarai Penerbitan





BAB 1

PENDAHULUAN



Sistem pendidikan secara umumnya bersifat dinamik dan futuristik, selari dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) masa kini (Hasliza, Siti Munira, & Zarina, 2016; Nurul Shahida & Siti Mistima, 2020). Sistem pendidikan di Malaysia telah melalui proses evolusi dan transformasi yang ketara, terutamanya dalam aspek kurikulum dan teknologi penyampaian pengajaran dan pembelajaran. Reformasi pendidikan ini telah bermula semenjak tahun 1982 lagi, iaitu daripada penubuhan sistem Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) hingga kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada peringkat sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2017).





Konsep reformasi pendidikan ini sebenarnya telah dipengaruhi oleh perkembangan teknologi semasa di mana perubahan ini bertujuan menyediakan murid-murid dengan kemahiran abad ke-21, seterusnya bagi guru-guru agar mampu menangani cabaran globalisasi masa hadapan dengan lebih sempurna (Zetty Nurzuliana & Murihah, 2016; Osman, 2017; Fatimah & Hasmadi, 2019; Wan Haslinawati, 2022). Perkembangan teknologi terhadap pembangunan tamadun manusia ini bukan sahaja melibatkan proses pengajaran dan kurikulum, malahan dalam hampir kesemua aspek pengurusan sekolah bagi meningkatkan kecekapan serta produktiviti sistem pendidikan negara.

Pada abad ke-21, penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) atau *Information Communication and Technology* (ICT) dalam sektor pendidikan telah berkembang pesat seiring dengan kemajuan teknologi yang menuntut masyarakat dunia peka dengan perubahan teknologi. Bagi menyeimbangi perkembangan ICT dalam sektor pendidikan, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) yang mana bertujuan untuk memperluaskan akses, keperluan dan kemudahan ICT kepada semua murid di sekolah (KPM, 2012). Ini bertepatan dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan, berketampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara.

ICT dalam pendidikan sebenarnya telah lama diberikan perhatian serius oleh kerajaan Malaysia melalui kerjasama KPM. Penggunaan komputer dalam pendidikan bermula pada tahun 1967 apabila Lembaga Peperiksaan (LP) telah menggunakan





komputer dalam urusan memproses data peperiksaan seperti yang telah digariskan dalam Pelan Strategik ICT KPM 2011-2015 (KPM, 2012). Menurut (Nor Izah & Norazah, 2018) perkembangan ICT pada tahun 1996 telah membawa perubahan dalam pendidikan di mana KPM merubah hasrat kerajaan dalam menentukan hala tuju sistem pendidikan kepada sistem pendidikan berasaskan teknologi. Penggunaan ICT dalam pendidikan adalah sebagai pemudah cara yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran di sekolah.

Menurut Baharudin dan Nik Rahimi (2008), dengan mengintegrasikan teknologi dan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), pemikiran murid akan dapat dirangsang dengan kepelbagaian sumber maklumat. Ini secara tidak langsung dapat melahirkan murid yang berfikiran kreatif (Siti Mardiah, 2013). Oleh yang demikian, penggunaan teknologi dalam pendidikan merupakan pemudahcara dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pengurusan di sekolah. Ini kerana ledakan teknologi telah merubah peranan dan perkhidmatan guru sebagai seorang pendidik secara tidak langsung mendorong guru untuk menerapkan pengintegrasian teknologi dalam pengajaran harian.

Kewujudan kepelbagaian teknologi telah menyebabkan segala maklumat diterima tidak terbatas dan tiada sempadan. Bagi memastikan negara terus berdaya saing dengan negara yang lain khususnya dalam bidang pendidikan, pelbagai pendekatan telah digunakan oleh KPM seperti pengintegrasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di peringkat sekolah rendah bagi melahirkan generasi yang serba mahir dan berkemahiran tinggi seiring dan bertaraf dunia (KPM, 2017).





Lantaran itu, perkembangan dan penggunaan teknologi telah mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan manusia. Seiring dengan perubahan dimensi dan inovasi dalam teknologi dan maklumat, perkembangan pesat dalam pembangunan industri negara dan ledakan teknologi maklumat ini dapat membantu meningkatkan penggunaan teknologi inovasi dan konvensional ke arah pendidikan bertaraf dunia dan pembangunan modal insan (Nurul Sakinah, 2016; Yusni & Sri Andayani, 2019). Menyedari kepentingan teknologi maklumat dalam proses pengajaran dan pembelajaran, KPM telah melancarkan inisiatif Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) secara rintis pada tahun 2014 dan meluaskan pelaksanaan ke seluruh negara mulai tahun 2015.

PAK21 adalah suatu transformasi dalam dunia pendidikan dengan pengajaran yang wajar dipertingkatkan sejajar dengan perkembangan teknologi serta peningkatan kemudahan penggunaan teknologi digital serta akses Internet. Bagi mencapai transformasi pendidikan ini, guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah-sekolah kebangsaan seluruh Malaysia hendaklah sentiasa bersedia sedia menerima perubahan, di samping dapat menguruskan dan mengelola perubahan ini dengan efektif dan efisien agar pengajaran menjadi lebih berkesan dalam memenuhi keperluan pembelajaran murid-murid (KPM, 2015). Ini termasuklah bagi bidang Jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (PI) di mana pengintegrasian teknologi merupakan kaedah yang dilihat sesuai dalam proses dan aktiviti pengajaran abad ini.

Penggunaan teknologi yang rancak pada masa kini merupakan satu alternatif untuk guru-guru Pendidikan Islam (GPI) dalam mempelbagaikan strategi pengajaran agar proses pembelajaran pelbagai bidang ilmu-ilmu Islam menjadi lebih mudah





difahami dan dikuasai oleh murid (Kamarul Azman, 2016). Justeru iitu, proses pengajaran mereka akan menjadi lebih berkesan dan bermakna, di samping mampu menarik minat murid-murid dan seterusnya memberikan motivasi kepada mereka dalam meningkatkan potensi pencapaian akademik dan pembelajaran.

Lantaran itu, penggunaan teknologi pengajaran juga dapat menggalakkan guru-guru PI (GPI) di sekolah-sekolah rendah untuk mempertingkatkan penggunaan TMK dalam amalan pengajaran pelbagai bidang, termasuklah pengajaran bidang Jawi. Guru yang inovatif dalam proses pengajaran akan merangsang dan menggalakkan murid serta mampu memotivasikan murid untuk mengeksplorasi bidang ilmu dan pengetahuan yang baharu, mampu mencipta idea-idea dengan menghasilkan tugas yang lebih cemerlang, mempamerkan hasil kerja yang berkualiti serta menjana pemikiran yang kreatif dan kritis seterusnya menonjolkan keperibadian yang cemerlang.

Menurut Wan Ismail, Muhammad, Lubis dan Hamzah., 2016; Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali., 2019; Osman Bakar., 2020), menyatakan pengintegrasian pengetahuan teknologi dalam pendidikan ini dapat merangsang idea dan pemikiran murid-murid dalam menghubungkan ilmu-ilmu Islam dengan ilmu-ilmu sains, teknologi, dan peradaban manusia. Sebagai contoh, bagi bidang Jawi, pengintegrasian pengetahuan teknologi dalam pengajarannya dapat menjana idea murid-murid dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan seperti melakukan kajian dan penyelidikan, berusaha mencari jalan penyelesaian, serta mampu menghasilkan pelbagai bahan pembelajaran dengan mengaplikasikan pengetahuan, pemahaman dan kemahiran.





Al-Nahlawy (1983) pula menyatakan, guru-guru Pendidikan Islam (GPI) haruslah meningkatkan ilmu, berpengetahuan, serta mahir bagi subjek dan bidang yang perlu diajari. Penguasaan ilmu-ilmu Islam boleh dicapai melalui amalan-amalan tradisi pengajaran daripada Rasulullah SAW. Daripada sudut pandangan Islam, menuntut dan memperkembangkan ilmu dengan menyampaikan apa yang telah diperoleh melalui ilmu tersebut merupakan satu tuntutan yang sangat mulia terhadap umat manusia. Lantaran itu, pencarian ilmu merupakan satu tuntutan yang wajib bagi setiap muslim.

Hakikatnya, agama Islam mewajibkan bagi umat Islam untuk menuntut ilmu, sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam sabda Rasulullah SAW:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Maksudnya:

“Menuntut ilmu itu adalah kewajiban ke atas setiap orang Islam”.

(Al-Nahlawiy., 1983)

Sabda Rasulullah SAW ini menyatakan bahawa kewajiban menuntut ilmu bukanlah terhad hanya kepada golongan tertentu sahaja, bahkan kewajiban tersebut adalah dituntut ke atas seluruh umat Islam. Allah SWT tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu sehingga mereka berusaha untuk mengubah nasib mereka sendiri. Antara cara yang terbaik untuk mencapai perubahan tersebut adalah melalui ilmu yang boleh dipelajari dan didapati daripada pelbagai proses pendidikan.

Kajian terdahulu juga telah membuktikan bahawa kecemerlangan sesuatu bangsa itu bergantung kepada pemerolehan ilmu pengetahuan yang telah dicapai oleh





tamadun tersebut. Darjat terunggul manusia di muka bumi ini telah dinyatakan dengan jelas oleh Allah SWT, iaitu berkaitan dengan kelebihan dan keistimewaan seseorang manusia yang dilihat berdasarkan ketinggian ilmu pengetahuannya. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي
الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحِ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ
انشُرُوا فَاثْرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ
وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ
خَبِيرٌ

Maksudnya:

“Allah mengangkat darjat orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berilmu beberapa darjat.”

(Abdullah Basmieh., 1986)



Al-Quran juga menyatakan bahawa manusia berpotensi meraih ilmu dan menyebarkannya dengan izin Allah SWT. Kemampuan teknologi maklumat dan kecanggihan internet di dalam menyalurkan sesuatu maklumat dengan laju dan tepat berupaya menjadi tarikan bagi mewujudkan suasana pengajaran yang menyeronokkan (Kamarul Azmi & Abdul Halim., 2015; Hashimah., 2019; Halimah et al., 2021). Malah, pengajaran bagi bidang Jawi secara khususnya, penggunaan teknologi digital dalam pengajaran juga dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif dan meningkatkan keberkesanan pengajarannya.

Keupayaan pengetahuan teknologi, kefahaman pedagogi, dan kemahiran guru-guru menguasai pengetahuan teknologi membolehkan proses pengajaran dilaksanakan dengan lebih bermakna dan berkesan, di samping meningkatkan prestasi mereka





(Adnan, 2016; Artika & Hasmadi, 2019; Nur Hanani & Ab Halim Tamuri, 2019). Lantaran itu, pengintegrasian pengetahuan teknologi bagi pengajaran bidang Jawi dilihat mampu mewujudkan perubahan positif dan anjakan paradigma yang diperlukan dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah-sekolah rendah Malaysia dalam proses pengajaran mereka bagi mencapai objektif pengajaran yang berkesan, disamping membangunkan aspek modal insan secara keseluruhannya, seperti yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelektual.

1.2 Latar Belakang Kajian

Penggunaan tulisan Jawi di negara ini telah mula berkembang sejak 1400 tahun yang lalu hasil kedatangan pedagang dan pendakwah ke Tanah Melayu. Kehadiran Islam ke Alam Melayu sejak berabad-abad telah membawa bersama penggunaan huruf-huruf dan tulisan Arab yang menjadi asas kepada tulisan Jawi Melayu dan huruf-hurufnya. Ribuan karya, kitab, dan hikayat, termasuklah manuskrip seperti batu bersurat, telah ditemui di Tanah Melayu di mana kesemuanya ditulis di dalam skrip Jawi (Kang, 1993; Hashim, 2006; Solehah, 2016; Rasyidah et al., 2019; Naquiah Nahar, 2020; Fuadi et al., 2022). Walau bagaimanapun, setelah kemunculan penjajah Eropah, tulisan rumi telah digunakan oleh masyarakat seiring dengan penggunaan tulisan Jawi, sekaligus telah menyumbangkan kepada pembangunan tulisan rumi di negara ini.

Apabila tulisan Jawi semakin kehilangan pengaruhnya berikutan perkembangan tulisan Rumi di Tanah Melayu, dan kemudiannya di Malaysia, isu memartabatkan





tulisan Jawi di negara ini mula hangat diperkatakan (Mohd Alwee, 2005; Akashah, 2013; Sapie Sabilan et al., 2018). Tambahan lagi, pengajaran tulisan Jawi semakin diabaikan di sekolah-sekolah rendah dan di sekolah-sekolah menengah, kecuali di sekolah-sekolah agama (Muhammad Bukhari Lubis et al., 2006; Ahmad Faisal & Noralina, 2009; Rahimah, 2019., Wardywyaty Rajikal & Isa Mohd., 2020). Kesannya, penguasaan dan kepentingan kemahiran pembacaan dan penulisan tulisan Jawi, khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu, semakin berkurangan dan diabaikan.

Kegusaran masyarakat berkaitan situasi ini telah menjadi titik tolak kepada bermulanya tindakan segera oleh para penyelidik dan pengamal pendidikan untuk mengembalikan kedudukan tulisan Jawi ke tempat sewajarnya dalam sistem pendidikan di Malaysia. Menyedari kepentingan tulisan Jawi sebagai salah satu warisan bangsa yang paling berharga dalam negara ini, pada tahun 1985, KPM mula mewajibkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bidang Jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam melalui KBSR dan KSSR Pendidikan Islam Semakan 2017 yang telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan Negara ini (Kang, 1993; Mohd Alwee, 2005; Zin Mahmud, 2006; Nik Rosila, 2007; Misnan et al., 2010; iChe Siah, 2014; Naquiah et al., 2016; Sabilan et. al., 2018; Mohd Mazhan et al., 2021).

Oleh yang demikian, kewujudan jurang yang ketara di antara perancangan kurikulum bagi bidang Jawi di peringkat KPM dengan realiti pelaksanaan pengajaran guru dalam bilik darjah perlu diberikan perhatian yang tinggi (Mohd Alwee, 2005; Dalilah, 2008; Muhammad Yusri, 2009; Nazimah, 2013; Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Mohammad Zohir Ahmad., 2017; Nurul Adawiyah Abd Satar & Mohd Isa Hamzah., 2018). Selaras dengan keperluan ini, seminar-seminar dan kursus-kursus untuk para





guru turut diadakan sebagai usaha untuk menghidupkan semula penggunaan tulisan Jawi, diikuti dengan penerbitan buku teks yang ditulis dalam tulisan Jawi sepenuhnya.

Namun, usaha untuk mengembalikan semula keagungan tulisan Jawi memerlukan masa yang lama serta perancangan yang rapi, bersistematik, dan berterusan yang bermula dari peringkat pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, sehinggalah ke peringkat universiti. Oleh yang demikian, pada tahun 2003, Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi yang merupakan Perdana Menteri Malaysia ketika itu telah memperkenalkan suatu program baharu dalam sistem pendidikan sekolah di negara ini, iaitu j-QAF (iaitu singkatan bagi Jawi, Quran, Bahasa Arab, Fardhu Ain).

Sistem pendidikan di Malaysia telah melalui pelbagai pembaharuan dalam pengajaran dan pembelajaran demi mempertingkatkan kualiti pendidikan di negara ini. Justeru, Bahagian Pendidikan Islam (BPI) telah berusaha untuk memantapkan lagi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam (PI) (Bahagian Pembangunan Kurikulum [BPK], 2015; Wan Hanisah & Mohd Aderi, 2016., Rozita Md Noh., 2018; Saidatul & Isa., 2020). Oleh yang demikian, penyusunan kurikulum Pendidikan Islam (PI) telah dilaksanakan secara modular mengikut keperluan murid-murid di mana ia meliputi tujuh bidang utama mata pelajaran Pendidikan Islam, iaitu al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi.

Tulisan Jawi merupakan salah satu bidang dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (PI) yang sangat penting, namun sering dipandang ringan oleh kebanyakan pihak. Tulisan Jawi ini telah dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah





(KBSR) tahun 1982 sehinggalah kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) 2017 yang terkini. Pada peringkat awal pelaksanaannya, PdP Jawi hanya melibatkan murid-murid Tahun 1 di sekolah-sekolah kebangsaan yang terpilih sebagai perintis (Akmariah & Sofiah, 2010; Norhayati et al., 2016). Kemudian, pengajaran bidang ini mula dilaksanakan secara berperingkat di sekolah-sekolah yang lain pada tahun-tahun yang berikutnya.

Sementara itu, mata pelajaran Pendidikan Islam pula merupakan antara komponen penting yang terkandung dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan di mana ia merupakan salah satu mata pelajaran teras dalam Kurikulum Kebangsaan (KPM, 2012). Menerusi bidang Jawi, murid-murid dibekalkan dengan kemahiran menyebut, membaca, dan menulis huruf-huruf, suku kata, perkataan, dan teks dalam tulisan Jawi (Che Siah, 2007; KPM, 2014; Abdull Sukor Shaari., 2017; Artika & Hasmadi., 2019). Secara asasnya, bidang Jawi adalah salah satu bidang ilmu hasil pengorganisasian pengetahuan, kemahiran, dan nilai-nilai yang diperolehi semasa pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam.

Kemahiran yang dibekalkan kepada murid-murid ini bertepatan dengan usaha kerajaan untuk mencapai objektif mata pelajaran Pendidikan Islam yang menetapkan matlamat di mana murid-murid dapat membaca, membina, dan menulis ayat atau teks dalam tulisan Jawi dan khat, di samping mencintainya sebagai salah satu warisan budaya bangsa (KPM, 2015). Justeru, pencapaian hasrat tersebut memerlukan penyampaian pengetahuan, kemahiran, dan nilai secara berterusan oleh guru-guru PI di sekolah melalui kepelbagaian strategi, pendekatan, kaedah, dan teknik pengajaran Jawi yang menarik dan bersesuaian dengan keperluan PAK21.





Pengajaran bidang Jawi yang menarik dan berkesan dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) adalah amat penting kerana ia mempunyai perkaitan yang rapat dan amat sinonim dengan tahap penguasaan dan pencapaian murid semasa pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam (Hashim, 2005; Nik Rosila, 2007; Hashim & Adi Yasan, 2009; Akmariah & Sofiah, 2010; Nazimah, 2013; Norizan & Nor Azan, 2013; Asyraf Ridwan & Berhanundin, 2015). Hal ini disebabkan oleh sebahagian besar daripada bahan-bahan sumber bagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ditulis dalam tulisan Jawi, dan mata pelajaran Pendidikan Islam (PI) ini juga diajar dalam tulisan Jawi sepenuhnya di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Di samping itu, pengajaran bidang Jawi di sekolah rendah dan menengah juga memainkan peranan yang besar sebagai pemangkin kepada usaha-usaha untuk memartabatkan tulisan Jawi sebagai salah satu elemen jati diri bangsa Melayu yang wajar dipertahankan dan dilestarikan. Justeru, guru-guru Pendidikan Islam (GPI) seharusnya memiliki kemahiran dan kecekapan dalam memahami disiplin ilmu pedagogi yang meliputi strategi, pendekatan, kaedah, dan teknik pengajaran agar dapat melakukan pemilihan metodologi yang terbaik dan paling berkesan untuk diaplikasikan semasa pengajaran Jawi.

Pada tahun 2005, Program j-QAF telah diperkenalkan dengan satu model khusus untuk pemulihan Jawi (Maimun Aqsha & Sabariah, 2012; Norhayati et al., 2016; Sarinah & Izuddin, 2016;) dan terkini, pelaksanaan Model Pemulihan Jawi ini dilaksanakan dalam bentuk kem dengan menggunakan Modul Kem Cemerlang Jawi (KCJ). Pelaksanaan program j-QAF dilaksanakan menggunakan kurikulum dan model yang tersendiri, iaitu Model Kelas Pemulihan Jawi, Model 6 Bulan Khatam al-Quran,





Model Tasmik Khatam al-Quran, Model Peluasan Pelaksanaan Bahasa Arab Komunikasi, dan Model Bestari Solat (Ko Kurikulum).

Pada setiap awal tahun, Ujian Diagnostik akan dijalankan di sekolah-sekolah bagi mengenal pasti murid-murid Tahun 1 hingga Tahun 6 yang keciciran dari segi penguasaan kemahiran membaca dan menulis Jawi, (Laili Suziani et al., 2016). Seterusnya bagi pemulihan melalui program Kem Cemerlang Jawi (KCJ; BPI, 2015) serta pengukuhan penguasaan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah (KPM, 2017). Program j-QAF dan Takwim Tahunan Program j-QAF telah dibangunkan sebagai panduan kepada pihak-pihak pengurusan sekolah dan guru-guru PI (GPI) melaksanakan Program j-QAF (KPM, 2016). Justeru itu, murid-murid terutamanya mereka yang beragama Islam, perlu menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi sejak di sekolah rendah lagi agar mereka dapat mempelajari ilmu dan membaca al-Quran dengan lancar.

Pelaksanaan Kem Cemerlang Jawi (KCJ) membuktikan bahawa kerajaan, di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) di bawah kelolaan Sektor Pendidikan Islam (SPI) memandang serius terhadap kepentingan dan perkembangan tulisan Jawi yang selari dengan perubahan yang berlaku pada mata pelajaran yang lain di peringkat sekolah rendah.

Menurut Naquiah dan Jimaain (2016), kebolehan murid-murid menguasai bidang Jawi merupakan tonggak penting kepada mata pelajaran Pendidikan Islam (PI) memandangkan sebilangan besar kandungan dan bahan mata pelajaran Pendidikan Islam ini disediakan dalam bentuk tulisan Jawi. Ini adalah kerana tulisan Jawi dianggap





sebagai salah satu warisan bangsa, dan peningkatan pembudayaannya merupakan salah satu usaha yang penting bagi memastikan penguasaan pembacaan dan penulisan Jawi dalam kalangan generasi muda.

Kesungguhan pihak KPM dalam usaha memastikan keberkesanan Program j-QAF amnya dan Kem Cemerlang Jawi (KCJ) khususnya dapat dilihat menerusi semakan semula kurikulum dan penambahbaikan Modul Perancangan Program j-QAF dan Takwim Tahunan Program j-QAF yang telah diselaraskan ke seluruh negara. Modul Pemulihan Jawi ini diperkenalkan bertujuan untuk memulihkan murid-murid yang lemah dalam bidang Jawi dan mengatasi masalah keciciran penguasaannya di sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006; Sarinah Mohamed & Izuddin Muhammed, 2021). Oleh itu, bidang Jawi perlulah diajar oleh guru-guru Pendidikan Islamii(GPI) dengan menggunakan metodologi dan teknik yang berkesan supaya murid-murid dapat mengenal dan menguasai kemahiran asas, membaca, dan menulis Jawi dengan sempurna.

Namun, menurut kajian Mohd Sabri et al. (2019), walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan, masih terdapat kekurangan dari segi penghasilan impak yang besar melahirkan generasi celik Jawi. Oleh yang demikian, guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang kompeten dan berkemahiran tinggi adalah diperlukan bagi merealisasikan pelaksanaan program Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi bidang mata pelajaran Pendidikan Islam ini.

Modul Pemulihan Jawi telah ditambah baik melalui KSSR, selaras dengan transformasi pendidikan negara (Norma et al., 2020). Matlamat bidang Jawi adalah





untuk melengkapkan murid-murid dengan kemahiran menulis dan membaca bagi membolehkan mereka memahami pelbagai bidang ilmu dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (PI). Sebagai salah satu bidang dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, terdapat banyak kaedah serta teknik pengajaran Jawi yang dapat digunakan dari semasa ke semasa yang bersesuaian dengan tahap kemahiran murid.

Walaupun bagaimanapun, pendekatan ini berkemungkinan sukar bagi murid-murid yang lemah dalam bidang ini, terutamanya kerana masa dan waktu pembelajaran yang terhad memandangkan mereka hanya diperuntukkan masa belajar dan berlatih bagi mempraktikkan kemahiran Jawi pada waktu persekolahan sahaja, dengan tambahan waktu 30 minit bagi pemulihan atau di luar waktu persekolahan.



2012; Che Siah, 2014) turut melaporkan tentang kelemahan yang ketara dalam kalangan murid-murid sekolah rendah tentang kemahiran menulis huruf bersambung tulisan Jawi di mana kebanyakan mereka didapati gagal untuk menjawab soalan-soalan yang menggunakan tulisan Jawi.

Perkara ini selari dengan kajian-kajian lain (Norhawati, 2000; Shazana & Zamferi, 2009; Norhazlina, 2010; Sabariah et al., 2013; Zairul Anuwar, 2016) yang turut menyatakan bahawa ramai murid didapati masih lemah dan kurang memahami kaedah untuk menyambung huruf-huruf Jawi yang diberikan, sehingga mereka sering gagal untuk menulis perkataan yang tepat dan betul. Walaupun kebanyakan murid masih dapat mengenali huruf-huruf Jawi, masih terdapat isu mengenai kemahiran penulisan perkataan Jawi menggunakan huruf-huruf yang bersambung.





Justeru, hal ini menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran penulisan Jawi bukanlah sesuatu yang mudah untuk dipelajari, seperti kemahiran menulis lain. Ianya memerlukan keupayaan kognitif dan psikomotor serta perkembangan dan kecekapan deria motor yang sempurna untuk membentuk dan menghasilkan bentuk-bentuk huruf yang betul, di samping memerlukan koordinasi mata dan otak. Ini adalah kerana tulisan Jawi merupakan suatu hasil kraf dan seni kemahiran yang perlu diajar dengan cara dan teknik yang betul sejak peringkat awal lagi.

Kelemahan penggunaan tulisan Jawi dalam kalangan murid secara amnya dapat dilihat di mana proses PdP mata pelajaran Pendidikan Islam tidak dapat dilaksanakan menggunakan tulisan Jawi sepenuhnya (Asyraf Ridwan & Berhanundin, 2015). Ketidakupayaan murid-murid menggunakan tulisan Jawi ini melambatkan proses pengajaran guru di mana mereka akhirnya terpaksa menggunakan tulisan rumi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Tambahan lagi, terdapat juga murid-murid yang tidak boleh membaca al-Quran dan menulis Jawi dengan baik. Isu-isu yang telah dijelaskan di atas telah mendorong kajian ini yang melihat kepada kecemerlangan bidang Jawi dalam kalangan murid-murid sekolah kebangsaan di Malaysia.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada masa kini, teknologi dalam pendidikan semakin diiktiraf sebagai alat yang penting untuk memperkaya pengalaman pembelajaran, di mana pendekatan yang inovatif dan penggunaan teknologi yang tepat dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran. Bagi pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam, jurang utama yang dikenal pasti adalah





kebanyakan kajian yang dijalankan kebelakangan ini tidak lagi berfokus kepada bagaimana guru mengimplemenkan amalan pengajaran yang berkesan kepada murid, sebaliknya tumpuan pada masa kini lebih diberi kepada aspek yang lebih mendasar iaitu menganalisis tahap kandungan ilmu guru dan bagaimana guru meningkatkan pengetahuan tentang isi kandungan subjek yang diajar (Yaacob et al., 2007; Rahman, 2008; Lubis, 2012; Mohamad Yusof et al., 2015; Naquiah & Jimain, 2016; BPI, KPM, 2017; Noraziah et al., 2019; Mohamad Radhi & Hafizhah, 2021).

Kajian-kajian lepas telah mengenal pasti beberapa faktor yang menyebabkan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) enggan menggunakan pendekatan teknologi dalam pengajaran. Ini termasuklah kelemahan reka bentuk perisian, *skeptisisme* tentang keberkesanan komputer dalam meningkatkan hasil pembelajaran, serta kekurangan sokongan daripada pihak pentadbiran sekolah (Sandra, Abu Bakar, & Norlidah, 2018). Cabaran yang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Islam (GPI) turut melibatkan faktor dalaman, iaitu dari segi pengetahuan dan kemahiran mereka ketika mengendalikan aktiviti pengajaran di dalam kelas menggunakan teknologi (Zarina, 2016). Hal ini menunjukkan keperluan terhadap Pengetahuan Teknologi Pedagogi dan Kandungan (PTPK), yang berperanan penting dalam meningkatkan kefahaman serta kemahiran guru untuk menyampaikan pembelajaran secara efektif dan berasaskan teknologi terkini, bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid dalam konteks pendidikan masa kini.

Menurut kajian yang melibatkan pengajaran 18 orang guru novis (Zakiah & Azlina, 2017), pengetahuan dan kemahiran mengajar didapati merupakan masalah utama yang dihadapi. Seperti yang dilaporkan, 40% guru didapati kurang





berpengetahuan ketika mengendalikan aktiviti murid, manakala 60% mengalami masalah dari segi kemahiran yang bersesuaian. Sementara itu, kajian oleh Nur Maizaitunaini (2017) juga mendapati bahawa tahap pengetahuan teknologi pedagogi yang rendah dalam kalangan guru sedikit sebanyak akan memberi kesan negatif kepada kemenjadian murid-murid. Isu ini dapat memberikan kesan kepada ketidakupayaan guru-guru dalam memberikan penerangan yang jelas tentang sesuatu pengetahuan, kemahiran, nilai, serta konsep pembelajaran. Kesannya, mereka tidak mampu menyampaikan pengajaran secara bermakna, terutamanya ketika memberi penerangan berkenaan sesuatu konsep pembelajaran yang berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang diajar.

Selain itu, kajian oleh Nor Sakinah, Mohd Aderi, dan Khadijah (2018) mendapati bahawa 30% guru kurang bersedia untuk menerapkan ilmu teori dan pedagogi yang bersesuaian dengan aktiviti murid, manakala 67% pula lebih mementingkan pelaksanaan pengajaran tanpa mengambil kira keperluan kurikulum dan pengetahuan sedia ada murid. Oleh yang demikian, guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang mempunyai kekurangan dari segi pengetahuan dan kemahiran pengajaran boleh memberikan kesan terhadap kualiti PTPK bagi pengajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah rendah.

Menurut kajian Nordina et al. (2015), ketiadaan PTPK yang mendalam dalam pendekatan pengajaran guru-guru dapat menyebabkan gaya penyampaian yang lesu, membosankan, dan tidak menarik, dan seterusnya menyebabkan pelbagai masalah perlakuan dalam kalangan murid semasa aktiviti PdP, seperti tidur ketika kelas, ponteng kelas, tidak menurut arahan, memberontak, dan tidak menumpukan perhatian terhadap





pelajaran yang diajar. Suasana pembelajaran yang negatif ini disebabkan oleh kurangnya pengaplikasian PTPK semasa proses pengajaran.

Sebaliknya, guru-guru yang mengamalkan PTPK yang berkesan berupaya untuk melakukan pelbagai perubahan pendekatan pengajaran, contohnya daripada hanya berfungsi sebagai “penceramah di atas pentas” kepada “pemudahcara di tepi gelanggang”. Perubahan pendekatan “*chalk and talk*” kepada pendekatan kaedah dan strategi guru yang berkesan mampu menyokong pengalaman pembelajaran aktif dan seterusnya meningkatkan potensi kecemerlangan murid-murid, contohnya untuk menyelesaikan masalah dan tugas-tugas kompleks yang berkognitif tinggi.

Sekiranya isu-isu di atas terus berlaku, pengintegrasian teknologi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dalam pendidikan negara ini akan terus terkebelakang. Berdasarkan laporan pemantauan kebangsaan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) pada tahun 2017 bagi mata pelajaran Pendidikan Islam yang melibatkan 103 buah sekolah kebangsaan dengan 228 pencerapan pengajaran, 41.92% murid didapati tidak dilibatkan di dalam aktiviti berkumpulan, 43.73% pula tidak menguasai objektif yang telah ditetapkan, dan 49.47% murid gagal mematuhi prosedur standard di dalam melaksanakan latihan.

Sementara itu, dari sudut pelaksanaan pengajaran guru, 48.25% perancangan PdP ditulis secara umum dan kurang menjurus kepada pernyataan bentuk perlakuan yang boleh diukur, 34.01% guru-guru Pendidikan Islam (GPI) gagal menyampaikan pengetahuan isi kandungan pengajaran dengan baik, 47.58% guru-guru Pendidikan Islam (GPI) menggunakan sumber pendidikan yang hanya bersifat tradisional seperti





lembaran kerja dan kurang menggunakan peralatan berorientasikan teknologi, dan 55.82% pula kurang menggunakan pendekatan pengajaran berbentuk PAK21 seperti yang telah dicadangkan. Keseluruhannya, laporan tersebut telah mengetengahkan tentang kualiti pengetahuan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang masih berada di tahap sederhana dan juga kepentingan untuk melaksanakan beberapa penambahbaikan ke arah mencapai tahap pengajaran yang lebih baik.

Bagi pengajaran bidang Jawi secara khususnya, kajian literatur menunjukkan pelbagai isu dalam keberkesanan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru-guru Pendidikan Islam (GPI). Antara masalah utama yang dibincangkan termasuk kekurangan kreativiti dalam kaedah pengajaran yang sering kali berpusatkan guru dan tidak mesra murid, menyebabkan tahap minat dan kefahaman murid terhadap bidang Jawi menjadi rendah (Lubis, 2012; Rahman, 2008). Penelitian oleh Maimun et al. (2016) dan Mohamad Radhi (2021) mendapati bahawa guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang tidak menghiraukan elemen pengajaran yang sesuai dan kurang menerapkan pendekatan pengajaran yang baik memberi kesan negatif terhadap penguasaan murid dalam bidang Jawi.

Faktor ilmu guru memainkan peranan yang sangat penting dari segi keberkesanan pengajaran bidang Jawi. Beberapa kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru mengenai pengajaran bidang Jawi yang terhad dapat memberi impak negatif terhadap keberkesanan pengajaran, kerana guru yang kurang menguasai kandungan subjek tidak dapat menyampaikan pengajaran dengan jelas dan menarik. Sebagai contoh, Menurut Bashah et al. (2012) faktor yang menyebabkan kelemahan dalam pengajaran bidang Jawi di sekolah rendah ialah guru-guru PI (GPI) tidak





mempunyai kemahiran khusus dalam pengajaran Jawi. Faktor kelemahan guru-guru PI (GPI) dari sudut penguasaan ilmu tulisan Jawi atau pengetahuan kandungan (*content knowledge*) agak dominan. Menurut Al-Johary dan Taat (2019), faktor yang dirasakan agak ketara ialah faktor yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Wan Ismail et al. (2016) menyatakan bahawa masalah berkaitan pengajaran bidang Jawi ini timbul kerana kurangnya perkembangan ilmu pengetahuan dalam diri guru-guru Pendidikan Islam (GPI) dan juga mutu pengajaran Pendidikan Islam yang secara umumnya masih berada pada tahap yang rendah. Tambahan lagi, pengalaman mengajar guru turut memainkan peranan penting bagi menentukan penguasaan murid terhadap pengajaran bidang Jawi secara khususnya. Kenyataan ini disokong oleh kajian Mohd Syaubari (2016) juga menyatakan bahawa pengalaman mengajar guru memainkan peranan penting dan banyak mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengajaran bagi bidang Jawi.

Tambahan lagi, menurut Ali, Abdullah dan Rashid (2018), masih terdapat guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang gagal menguasai ejaan Jawi dan lebih membimbangkan masih ada segelintir guru Pendidikan Islam (GPI) yang 'buta' Jawi. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh al-Johary dan Taat (2019) ke atas guru sekolah rendah di negara Brunei Darussalam. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan di antara *variable* tahap penguasaan Jawi dan proses pengajaran Jawi. Ini bermaksud semakin tinggi penguasaan Jawi dan penguasaan kurikulum seseorang guru itu, maka semakin bagus dan berkeyakinan proses pengajaran yang dilaksanakan dalam bilik darjah. Keadaan ini sudah tentu akan membantu murid-murid





untuk memahami isi pelajaran yang disampaikan dan seterusnya akan dapat meningkatkan penguasaan Jawi dalam kalangan murid-murid.

Berdasarkan analisis kajian lepas, dapatan yang diperoleh tentang kelemahan penguasaan kemahiran membaca dan menulis tulisan Jawi dalam kalangan murid telah memberi gambaran awal bahawa terdapat hubungan dengan aspek pengetahuan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) dalam bidang Jawi yang telah memberi kesan kepada kegagalan murid untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis tulisan Jawi dengan betul. Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi tahap kesukaran situasi ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung (Fuadi et al., 2022). Maka, pengetahuan dan kemahiran guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang lemah akan memberi kesan kepada murid dan akhirnya memberikan cabaran kepada keberkesanan penyampaian ilmu yang telah diajarkan untuk diaplikasikan oleh murid-murid.

Dari aspek pendekatan pengajaran, dalam era pendidikan moden, penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah amat penting untuk meningkatkan keberkesanan dan relevansi pengalaman pembelajaran murid bagi bidang Jawi. Bersandarkan hasil-hasil kajian terdahulu, pelaksanaan pengajaran bidang Jawi di sekolah didapati masih mempunyai beberapa kelemahan, seperti menggunakan olahan dan penyampaian kandungan kaedah ejaan, tulisan, dan bacaan Jawi yang berbentuk tradisional (Kamarul Azmi, 2012; Paharudddin, 2014), pengajaran secara kuliah dan penerangan (Asyraf Ridwan & Berhanundin, 2015), tiada perancangan pengajaran yang kukuh (Anuar & Nelson, 2015), serta tiada penstrukturan pengajaran yang dilaksanakan berdasarkan tiga peringkat pendekatan pengajaran iaitu permulaan,





perkembangan, dan penutup (Naquiah & Jimain, 2016). Ini menggambarkan bahawa terdapat isu-isu berkaitan kekurangan perancangan dan kefahaman dalam kalangan guru-guru PI (GPI) tentang keperluan serta kepentingan PPK, sebagaimana yang dihasratkan di dalam FPI.

Hasil kajian Muhammad Haiy Rosman (2021) ke atas 100 orang guru-guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah kebangsaan di Selangor berkenaan hubungan di antara penguasaan Jawi dengan proses pengajaran bidang Jawi turut mendapati terdapat hubungan yang positif (korelasi positif antara dua pemboleh ubah). Ini bermakna terdapat kaitan antara penguasaan Jawi dengan proses pengajaran bagi bidang Jawi. Secara umum dapatlah dinyatakan bahawa sebahagian guru-guru PI (GPI) tidak menggunakan kaedah yang betul semasa pengajaran Jawi. Sebagai contoh, tidak ramai dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang menerangkan aspek peraturan atau kaedah-kaedah penulisan Jawi secara terperinci, melainkan hanya mengajar secara rutin pada setiap pengajaran dengan menulis ejaan rumi kepada tulisan Jawi atau sebaliknya berpandukan buku teks, menyalin rencana dan menulis tulisan Jawi.

Fenomena ini juga dijelaskan oleh hasil kajian Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi (2011) serta Norasmahani et al. (2015) yang menjelaskan bahawa kelemahan pelaksanaan pengajaran bidang Jawi juga berpunca daripada kelemahan dari segi pengetahuan teknologi dalam amalan pengajaran guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang turut menjejaskan pengajaran bidang Jawi. Hal ini disokong oleh dapatan kajian Nur Syamira et al. (2016) di mana kebanyakan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia masih mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana dalam mengintegrasikan teknologi semasa pengajaran bidang Jawi. Dapatan





ini disokong oleh beberapa kajian lain (Zakaria, 2015; Maimun Aqsha, Wan Nurul Syuhada, & Mohd Isa, 2017) yang menyatakan bahawa situasi pengajaran yang kurang menarik dapat menjejaskan minat murid-murid untuk belajar.

Hakikatnya, pada masa kini, murid-murid yang kurang mahir dalam teknologi berpotensi menghadapi lebih banyak cabaran dalam proses pembelajaran. Kekurangan pengaplikasian teknologi dalam pengajaran bukan sahaja membatasi kemampuan guru untuk menerapkan kaedah pengajaran moden, tetapi juga menghalang murid daripada membangunkan kemahiran analitik dan penyusunan maklumat yang penting dalam dunia berteknologi masa kini, yang seterusnya boleh memberi impak kepada pemahaman dan penghayatan mereka terhadap mata pelajaran Jawi.



Kesimpulannya, permasalahan-permasalahan yang telah dibincangkan di atas

menyokong bahawa kelemahan dan kegagalan murid menguasai kemahiran membaca dan menulis tulisan Jawi ini dapat dilihat bertitik tolak daripada pelbagai faktor berkaitan pengetahuan dan pendekatan pengajaran guru. Dapatan kajian-kajian di atas menyokong bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara kelemahan murid dengan pengetahuan serta amalan pengajaran guru-guru. Pengajaran bidang Jawi di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia masih memerlukan penambahbaikan yang ketara, di mana pelaksanaan pengajaran subjek ini masih tidak selari dengan pengetahuan pengajaran yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Isu utama yang telah dikenal pasti ialah ketidakselarasan dalam pendekatan pengajaran, yang lebih kebanyakannya berfokus pada kaedah tradisional dan kurang





memanfaatkan teknologi pendidikan moden yang dapat meningkatkan pemahaman dan minat murid-murid dalam bidang Jawi. Tanpa pengintegrasian teknologi yang lebih efektif, generasi muda kini yang lebih berorientasikan teknologi mungkin merasa kurang berminat dengan kaedah pengajaran konvensional yang masih digunakan oleh kebanyakan guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah-sekolah kebangsaan bagi pengajaran mata pelajaran Jawi.

Di samping itu, perbincangan di atas telah menunjukkan bahawa terdapat jurang kajian yang ketara dalam literatur mengenai pengajaran dan pembelajaran bidang Jawi di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia, terutamanya dari segi kajian yang secara khusus menilai keberkesanan pendekatan pengajaran, cabaran yang dihadapi oleh guru, serta impak kaedah pengajaran terhadap minat dan prestasi murid. Jurang ini merangkumi aspek-aspek penting seperti penggunaan teknologi dalam pengajaran bidang Jawi, adaptasi pendekatan pengajaran mengikut tahap kemahiran murid, serta strategi yang lebih berkesan untuk meningkatkan pemahaman dan apresiasi murid terhadap bidang Jawi, yang semuanya memerlukan kajian lanjut bagi memastikan pengajaran yang lebih berkesan dan relevan dalam bilik darjah.

Permasalahan yang telah dibincangkan perlu ditangani dengan langkah-langkah yang berkesan, termasuk mengenal pasti kaedah yang dapat menjadikan pengajaran bidang Jawi lebih menarik dan berkesan, terutamanya di sekolah kebangsaan. Ini melibatkan pendekatan bersepadu dalam latihan pelaksanaan, teknik pengajaran, dan pendekatan yang lebih sesuai dengan perkembangan murid. Pengajaran bidang Jawi bukan sahaja melibatkan aspek teknikal Bahasa Arab dan penghayatan al-Quran, tetapi





juga penerapan ajaran Islam yang perlu disampaikan dengan cara yang relevan dan menarik, khususnya bagi murid-murid Islam.

1.4 Tujuan Kajian

Permasalahan-permasalahan yang telah dibincangkan di atas menekankan kepentingan menjalankan kajian terperinci bagi menilai sama ada masalah berkaitan tahap pengetahuan dan amalan pengajaran bidang Jawi dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah kebangsaan masih berterusan.

Selaras itu, kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan pengajaran bidang Jawi di sekolah-sekolah kebangsaan Malaysia, dengan memberi tumpuan kepada tahap PTPK (Pengetahuan Teknologi, Pengetahuan Pedagogi, Pengetahuan Kandungan, Pengetahuan Pedagogi Kandungan, Pengetahuan Teknologi Kandungan, dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi, dan PTPK) guru-guru Pendidikan Islam (GPI) serta mengukur sejauh mana pengetahuan dan amalan pengajaran mereka dipengaruhi oleh beberapa faktor demografik dan kontekstual berkaitan. Dengan memahami tahap dan faktor-faktor mempengaruhi penguasaan pengetahuan dan amalan pengajaran guru, kajian ini berharap dapat memberi saranan yang praktikal bagi meningkatkan kualiti pengajaran bidang Jawi, khususnya dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia.

Hakikatnya, pengajaran yang berkualiti tinggi adalah kunci untuk keberkesanan pendidikan. Maka, kajian ini menekankan kepentingan peningkatan dalam penguasaan





pengetahuan dan amalan pengajaran guru-guru Pendidikan Islam (GPI). Guru yang mempunyai pengetahuan yang kukuh dan kaedah pengajaran yang berkesan dapat memberikan pengalaman dan hasil pembelajaran menyeluruh kepada murid-murid. Keupayaan guru dalam menyampaikan pengajaran secara berkesan dan menarik minat bukan sahaja mencerminkan tahap keilmuan mereka, tetapi juga memberi impak positif yang besar kepada perkembangan murid, sekali gus menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan dasar pendidikan yang telah diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia.

1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya, berikut adalah objektif-objektif kajian ini:



- 1) Mengetahui tahap PTPK (Pengetahuan Teknologi, Pengetahuan Pedagogi, Pengetahuan Kandungan, Pengetahuan Pedagogi Kandungan, Pengetahuan Teknologi Kandungan, dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi, dan PTPK) guru-guru Pendidikan Islam (GPI) bagi pengajaran bidang Jawi di sekolah-sekolah kebangsaan Malaysia;
- 2) Mengetahui tahap amalan pengajaran guru-guru Pendidikan Islam (GPI) bagi bidang Jawi di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia;
- 3) Mengetahui perbezaan yang signifikan dalam tahap PTPK (Pengetahuan Teknologi, Pengetahuan Pedagogi, Pengetahuan Kandungan, Pengetahuan Pedagogi Kandungan, Pengetahuan Teknologi Kandungan, dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi) guru-guru Pendidikan Islam (GPI) bagi pengajaran bidang



Jawi di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia berdasarkan jantina, lokasi, pengalaman mengajar, serta prasarana dan infrastruktur sekolah;

- 4) Mengenal pasti hubungan yang signifikan di antara setiap komponen dalam PTPK (Pengetahuan Teknologi, Pengetahuan Pedagogi, Pengetahuan Kandungan, Pengetahuan Pedagogi Kandungan, Pengetahuan Teknologi Kandungan, dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi);
- 5) Mengenal pasti hubungan yang signifikan di antara setiap komponen dalam PTPK (Pengetahuan Teknologi, Pengetahuan Pedagogi, Pengetahuan Kandungan, Pengetahuan Pedagogi Kandungan, Pengetahuan Teknologi Kandungan, dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi) dengan setiap komponen amalan pengajaran guru-guru Pendidikan Islam (GPI) bagi bidang Jawi di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia; dan

- 6) Menghasilkan Model Peningkatan Bidang Jawi Berasaskan Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*) yang dapat dijelaskan oleh empat faktor *first-order*, iaitu permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran, dan bahan bantu mengajar (BBM).

1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan, beberapa persoalan kajian telah dibina untuk merungkaikan secara spesifik tentang aspek-aspek kajian yang telah dijalankan, iaitu seperti berikut:

- 1) Apakah tahap amalan PTPK (Pengetahuan Teknologi, Pengetahuan Pedagogi, Pengetahuan Kandungan, Pengetahuan Pedagogi Kandungan, Pengetahuan Teknologi Kandungan, dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi, dan PTPK) guru-guru Pendidikan Islam (GPI) bagi pengajaran bidang Jawi di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia?
- 2) Apakah tahap amalan pengajaran GPI bagi bidang Jawi di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia?
- 3) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di dalam tahap PTPK (Pengetahuan Teknologi, Pengetahuan Pedagogi, Pengetahuan Kandungan, Pengetahuan Pedagogi Kandungan, Pengetahuan Teknologi Kandungan, dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi) guru-guru Pendidikan Islam (GPI) bagi pengajaran bidang Jawi di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia berdasarkan jantina, lokasi, pengalaman mengajar, serta prasarana dan infrastruktur sekolah?
- 4) Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara setiap komponen di dalam PTPK (Pengetahuan Teknologi, Pengetahuan Pedagogi, Pengetahuan Kandungan, Pengetahuan Pedagogi Kandungan, Pengetahuan Teknologi Kandungan, dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi)?
- 5) Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara setiap komponen di dalam PTPK (Pengetahuan Teknologi, Pengetahuan Pedagogi, Pengetahuan Kandungan, Pengetahuan Pedagogi Kandungan, Pengetahuan Teknologi Kandungan, dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi) dengan setiap komponen amalan pengajaran GPI bagi bidang Jawi di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia?

- 6) Adakah Model Peningkatan Jawi Berasaskan Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*) dapat dijelaskan oleh empat faktor *first-order*, iaitu permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran, dan BBM?

1.7 Hipotesis Kajian

- 1) $H_{01(a)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di dalam tahap PTPK GPI bagi pengajaran Jawi di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia berdasarkan jantina;
- 2) $H_{01(b)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di dalam tahap PTPK GPI bagi pengajaran Jawi di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia berdasarkan lokasi;
- 3) $H_{01(c)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di dalam tahap PTPK guru-guru Pendidikan Islam (GPI) bagi pengajaran Jawi di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia berdasarkan pengalaman mengajar;
- 4) $H_{01(d)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di dalam tahap PTPK guru-guru Pendidikan Islam GPI bagi pengajaran Jawi di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia berdasarkan prasarana dan infrastruktur sekolah;
- 5) H_{02} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara setiap komponen PTPK (Pengetahuan Teknologi, Pengetahuan Pedagogi, Pengetahuan Kandungan, Pengetahuan Pedagogi Kandungan, Pengetahuan Teknologi Kandungan, dan Pengetahuan Teknolog Pedagogi);
- 6) H_{03} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara setiap komponen PTPK (Pengetahuan Teknologi, Pengetahuan Pedagogi, Pengetahuan

Kandungan, Pengetahuan Pedagogi Kandungan, Pengetahuan Teknologi Kandungan, dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi) dengan setiap komponen amalan pengajaran guru-guru Pendidikan Islam (GPI) bagi bidang Jawi di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia; dan

- 7) H_{04} : Model Peningkatan Bidang Jawi Berasaskan Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*) tidak dapat dijelaskan oleh empat faktor *first-order*, iaitu permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran, dan

1.8 Kerangka Teori Kajian

Perkembangan bidang Pendidikan Islam telah mengalami pelbagai perubahan daripada aspek pendekatan pengajaran dan keutamaan terhadap kemenjadian murid dalam proses pendidikan, memerlukan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) membuat pertimbangan semula terhadap pendekatan pengajaran sedia ada. Permulaan proses pengajaran guru-guru Pendidikan Islam (GPI) pada asasnya diterapkan daripada pendekatan pengajaran yang telah dibawa oleh Rasulullah SAW telah menunjukkan kejayaan agama Islam dalam melahirkan dan membentuk generasi yang mempunyai kemahiran insaniah yang hebat.

Ini adalah kerana Rasulullah SAW merupakan insan terbaik yang dapat dijadikan sebagai contoh pendidik yang mempunyai kekuatan akal, ketajaman perasaan, ketepatan firasat, pengurusan fikiran yang benar, jelas, dan bersistematik (Sheikh Abdul Fatah, 2011; Muhamad Azhar et al., 2017; Noor Muslieah et al., 2022).

Rasulullah SAW juga amat menitikberatkan kualiti guru yang memberikan pengajaran kerana hal ini turut mempengaruhi kualiti pengajarannya. Sebagaimana hadis SAW:

Maksudnya:

Ambillah (pelajarilah) al Quran daripada empat orang iaitu Abdullah bin Mas'ud, Salim, Mua'az dan Ubai bin Ka'ab.

(Abdul Fattah Abu Ghuddah., 2013)

Ibnu Khaldun merupakan tokoh dan sarjana Islam yang disegani dan dihormati. Dunia mengenalinya hingga kini menerusi peninggalan karya agungnya yang terkenal dengan nama “*Muqaddimah*”. Kitab inilah yang menjadi rujukan awal dan utama selama ratusan tahun di universiti-universiti Eropah, khususnya di dalam bidang sosiologi sejarah, politik, falsafah, ekonomi, kebudayaan, dan sebagainya (Mohd Nasir, 2015). Penelitian dan pemikiran beliau masih kekal relevan dalam meneladani masyarakat, sama ada dalam arena agama, politik, atau sosio kemasyarakatan (Yusri, 2015). Pandangan-pandangan beliau yang asli telah menarik perhatian beberapa ulama dan sarjana Islam serta para pemikir Barat, termasuklah berkaitan konsep “*malakah*” iaitu kemahiran.

Ibnu Khaldun telah menggunakan terminologi “*malakah*” di beberapa tempat dalam kitab “*Muqaddimah*” beliau, seperti pengetahuan, kemahiran, kepimpinan, keahlian, bakat, kebiasaan, dan tanggapan. Secara kesimpulannya, maksud “*malakah*” ini telah dijelaskan oleh Ibnu Khaldun (2004) seperti berikut:



“Malakah boleh diberi takrifan sebagai sifat yang berurat dan berakar hasil pekerjaan berulang-ulang hingga terbentuk perbuatan itu dengan kukuh tertanam (dalam fikiran)”

(Ibnu Khaldun, 2005)

Berdasarkan definisi Ibnu Khaldun, maksud “*malakah*” tersebut merujuk kepada satu sifat yang sehati dalam jiwa seseorang yang terhasil kerana sesuatu perbuatan dan pengulangan perbuatan tersebut yang dikuasai melalui cara yang mendalam sehingga ianya kukuh tertanam dalam minda dan mudah dizahirkan apabila dikehendaki (Che Zarrina & Mohd Kamil, 2000; Abd Munir, 2010; Pisol & Thuraya, 2015; Mohd Syaubari et al., 2017). Menurut Che Zarrina dan Mohd Kamil (2000), “*malakah*” didefinisikan sebagai kemampuan, kepintaran kemahiran pengukuhan, dan menyeliputan diri dengan maklumat-maklumat.



Justeru, salah satu makna “*malakah*” dalam kajian ini adalah merujuk kepada

kemahiran pada akal seseorang dalam mengolah kepintaran dalam melakukan sesuatu. Seharusnya penerapan ilmu atau metodologi pengajaran, terutamanya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, tumpuan perlu dilihat kepada tokoh ilmuan Islam yang telah membincangkan tentang pendidikan akal atau tentang pemikiran dalam penulisan mereka. Antara tokoh tersebut ialah al-Ghazali menerusi kitab “*Ihya Ulumuddin*” juga membincangkan tentang pemikiran dalam penulisannya (al-Ghazali, 1986) dan al-Qabisi. Begitu juga Ibnu Khaldun yang membincangkan hal berkaitan dengan pemikiran dalam kitabnya “*Al-Muqaddimah*” (Ibn Khaldun, 1993; Syaubari Othman & Yunus Kassim, 2017). Dalam karyanya Al-Muqaddimah menyatakan bahawa berfikir merupakan:




“Kesedaran dalam diri seseorang tentang hal yang ditanggap, suatu yang khusus dimiliki oleh makhluk-makhluk yang hidup sahaja”

(Ibnu Khaldun, 2005)

Dalam konteks kajian ini, guru-guru Pendidikan Islam (GPI) dilihat perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam berkaitan PTPK. Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) perlu mempunyai kemahiran yang sewajarnya dalam menggunakan pedagogi, kaedah, strategi, dan teknik pengajaran yang dapat membantu murid-murid untuk memahami dan mengaplikasikan pengetahuan teknologi dalam proses pengajaran. Berdasarkan keperluan ini, kerangka teori kajian telah dibina seperti berikut:

Rajah 1.1

Teori “Malakah” tentang Pengetahuan



(Sumber: Anderson, 2002; Ibnu Khaldun, 2006; Abdul Munir, 2010; Muhammad Talhah & Ahmad Marzuki, 2020)



Secara keseluruhan, pelaksanaan pengajaran menerusi kerangka teori yang dihasilkan oleh Ibnu Khaldun dapat dilihat sebagai pendekatan penyelesaian yang terbaik bagi mengatasi su-isu berkaitan kemenjadian murid dalam sistem pendidikan masa kini. Secara amnya, asas kepada ilmu pengetahuan memerlukan tindakan dan pelaksanaan. Oleh itu, pengadaptasian teori yang dihasilkan oleh Ibnu Khaldun ini memerlukan pemerhatian yang mendalam daripada pihak kerajaan, guru-guru, dan murid-murid itu sendiri.

Teori ini telah digunakan secara meluas sebagai asas falsafah dalam menentukan hala tuju pemikiran dan amalan pengajaran yang perlu dibentuk oleh murid menerusi elemen-elemen pengaplikasian, analisis, penilaian, penciptaan, dan pelaksanaan. Maka, pendekatan Ibnu Khaldun ini dapat disepadukan dan diintegrasikan pelaksanaannya dalam sistem pendidikan di Malaysia, khususnya mata pelajaran Pendidikan Islam untuk menghasilkan kesan pendidikan yang baik dan berkesan.

Justeru itu, berdasarkan kajian ini, penumpuan difokuskan terhadap tahap pemikiran yang dipelopori oleh Ibnu Khaldun menerusi aspek kesesuaiannya dengan elemen pengetahuan dan kemahiran pengajaran guru-guru Pendidikan Islam (GPI) khususnya dalam pengajaran bidang Jawi.

1.9 Kerangka Model Kajian

Model pengajaran yang melibatkan pengintegrasian pengetahuan teknologi dalam bilik darjah hanya dapat dilaksanakan setelah guru-guru berjaya mewujudkan pembelajaran





berasaskan perancangan yang teratur dengan penumpuan dan penglibatan secara menyeluruh daripada setiap murid (KPM, 2014; Yusmawarti, 2015; Juwairiyah Mustapah & Roslinda Rosli, 2021; Norhannan & Hafizhah, 2022). Maka, guru-guru Pendidikan Islam (GPI) memerlukan pendekatan dan kaedah yang dapat meningkatkan keupayaan murid-murid menjana proses pengetahuan, meneroka idea, membuat justifikasi bagi setiap pernyataan, serta membuat perbandingan bagi perbezaan dalam asas konstruk pembelajaran.

Penghasilan amalan pengajaran yang mengintegrasikan pengetahuan dan teknologi merupakan keperluan bagi guru-guru untuk membentuk asas pengetahuan terdahulu yang bersandarkan prinsip kemahiran berfikir, iaitu mengingat dan mengetahui (Mohd Yusoff, 2016; Irfan Fauzi & Iman Hermawan, 2020; Siti Aisyah Ibrahim, 2021). Justeru itu, keupayaan kognitif tidak dapat diperkembangkan sekiranya terdapat batasan dalam asas pengetahuan dan kemahiran mengadaptasi. Ini adalah kerana proses penstrukturan kognitif ini perlu dilaksanakan dengan meliputi aras mengingat, ditambah baik dengan aras mengetahui, dan seterusnya ke arah aras-aras yang lebih tinggi iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai, dan mencipta.

Ibnu Khaldun telah menyebut tentang kaedah yang sewajarnya dilaksanakan oleh guru-guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pengajaran Pendidikan Islam. Kaedah dan langkah yang perlu digunakan dalam pengajaran dengan mengambil pendekatan yang telah dikemukakan oleh beliau kerana kaedah-kaedah yang diberikan amat menarik serta dibincangkan dengan terperinci untuk diaplikasikan dalam pengajaran khususnya dalam bidang Jawi. Antara kaedah pengajaran yang dikemukakan Ibnu Khaldun dalam karyanya adalah sebagaimana berikut :





- **Talqin (Pandang Dengar)**

Menurut Ibnu Khaldun, kaedah ini dapat difahami dengan cara guru mengarahkan murid untuk menghafaz sesuatu huruf, perkataan atau kalimah terlebih dahulu. Contohnya dalam pengajaran Jawi, setiap murid mesti mengenal, menyebut dan menghafaz setiap huruf-huruf tunggal dan bersambung sebelum mereka diajar intipati yang terkandung dalam sukatan bidang Jawi. Proses memastikan setiap murid mengenal huruf merupakan pengajaran yang terpenting dalam peringkat pengajaran pertama. Justeru itu, murid-murid diwajibkan untuk menghafaz huruf-huruf dan perkara-perkara yang disampaikan kepadanya. Ibnu Khaldun mengatakan bahawa apabila murid telah memahami dan menguasai sesuatu ilmu walaupun menghadapi sedikit kerumitan, mereka akan diberi kemudahan untuk menghafaz sesuatu pengetahuan. Ibnu Khaldun mengatakan:

“Ianya melibatkan banyak daya usaha yang perlu dilakukan oleh murid. Untuk memahaminya banyak waktu yang digunakan. Walaupun begitu, setelah bersusah payah sifat-sifat kesarjanaan yang mungkin dicapai daripada buku-buku yang ringkas, kedua-duanya berguna untuk mendapat kebiasaan yang sempurna. Usaha meringkaskan itu bermaksud menyenangkan murid mendapat pengetahuan ”

(Ibnu Khaldun., 2002; h; 762-763; Ibnu Khaldun., 2004; h; 684)

- **Tadrij (Pengajaran Secara Berperingkat Dan Beransur-Ansur)**

Ibnu Khaldun berpandangan bahawa kaedah pendidikan secara beransur-ansur merupakan kaedah yang sangat berkesan dalam memberi kefahaman kepada murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Menurut Ibnu Khaldun:



“Sesuatu yang harus kita ketahui bahawa pengajaran ilmu pengetahuan kepada murid hanya akan dapat dirasakan berkesan apabila ianya dilakukan secara beransur-ansur, sedikit demi sedikit”

(Ibnu Khaldun., 2002; h. 763) (Ibnu Khaldun 2004; h. 684)

Abdul Munir Mohamed Noh (2010) berpendapat bahawa Ibnu Khaldun sangat berpegang kepada kaedah pengajaran secara *“tadrij”* berdasarkan kenyataan tersebut. Ini memandangkan murid-murid yang dihasilkan daripada kaedah ini akan mampu menguasai sepenuhnya pelajaran dan menjadi ahli ilmu yang mantap (Abd Munir Bin Mohamed Noh, 2010; h. 80). Menurut Ibnu Khaldun, terdapat tiga langkah pengajaran yang perlu dilakukan oleh guru berdasarkan kaedah pendidikan ini iaitu:

- a) Guru akan memaparkan kepada murid berkenaan masalah-masalah utama yang terdapat dalam setiap bab kepada cabang-cabang ilmu tertentu. Guru juga akan melakukan huraian ringkas mengenai tajuk tersebut semasa pengajaran dengan tujuan untuk mengenalpasti kemampuan akal dan persediaan murid dalam menerima pengajaran. Dengan ini, murid akan dapat membiasakan diri dengan disiplin ilmu yang diajar kepadanya. (Ibnu Khaldun 2002 h. 763) (Ibnu Khaldun 2004 h. 684)
- b) Guru akan mengajar murid pada peringkat yang lebih tinggi. Pada peringkat ini, guru tidak akan memberi penjelasan secara sepintas lalu sahaja tetapi membuat penjelasan dan huraian secara menyeluruh. Guru juga akan membuat kaitan pelajaran dengan keadaan semasa yang selari atau bertentangan dengan tajuk yang diajar. Oleh itu, daya pemikiran dan keintelektualan murid akan dapat ditingkatkan (Ibnu Khaldun 2002 hh. 763-764) (Ibnu Khaldun 2004 h. 684).
- c) Ia merupakan langkah pengukuhan dan pemantapan dengan proses perbincangan yang lebih berasas. Menurut Ibnu Khaldun:



“Guru terus membimbing muridnya, kali ini suatu perbincangan yang lebih berdasar. Guru tidak akan membiarkan muridnya apa yang dianggap merumitkan, kabur atau terlindung tidak dijelaskan, semuanya (soalan yang ditanya oleh murid) harus dijelaskan secara terbuka kepada murid. Kesan daripada itu apabila dia selesai membicarakan disiplin itu, murid telah mencapai tahap kepandaian yang boleh dibanggakan”

(Ibnu Khaldun., 2002: h. 764) (Ibnu Khaldun., 2004; h. 684).

- **Pengajaran Yang Fokus**

Melalui kaedah ini, guru akan menyatakan tajuk yang jelas kepada murid dan guru tidak akan mengajar dua disiplin ilmu sekaligus dalam sesi pengajian. Perkara ini memandangkan sekiranya dua disiplin ilmu sekaligus diberikan oleh guru akan memberikan bebanan dan kesukaran kepada murid kerana terpaksa memikirkan dua masalah pada masa yang sama. Ibnu Khaldun berkata bahawa :

“Suatu cara dan metod yang harus dilaksanakan dalam pengajaran adalah cara yang tidak membingungkan murid, seperti tidak mengajarkan dua cabang ilmu pengetahuan secara sekaligus. Dengan cara itu murid akan mendapat kesukaran kerana pada waktu itu perhatian murid akan terbahagi dan terganggu oleh satu dari yang lainnya. Sekiranya fikirannya bebas untuk mempelajari sesuatu yang diminatinya, ia dapat memberi fokus kepada diri sepenuhnya terhadap pembelajaran, dan cara demikian adalah lebih sesuai untuk menyerap ilmu yang diinginkan”

(Ibnu Khaldun 2002 h. 766) (Ibnu Khaldun 2004 h. 685).

Ibnu Khaldun telah memberi komentar terhadap guru-guru yang memulakan pengajaran dengan permasalahan yang kabur kepada murid. Ini memandangkan murid terpaksa menjana pemikiran bagi menyelesaikan masalah dalam pelajaran yang diajar. Walaupun para guru menganggap cara ini merupakan latihan yang praktikal dalam sesi pembelajaran, namun sebenarnya guru tela mengelirukan murid dengan memberikan bahagian-bahagian topik yang mendalam sedangkan murid tidak lagi mengetahui





berkenaan perkara-perkara yang asas dalam bidang tersebut (Ibnu Khaldun 2002 h. 764) (Ibnu Khaldun 2004 hh. 684-685).

Ibnu Khaldun juga menyatakan bahawa sesuatu ilmu pengetahuan akan dapat dikuasai dan dihayati oleh murid apabila mereka diberi kebebasan untuk menumpukan perhatian kepada pelajaran yang diminati. Para guru tidak seharusnya menuntut sesuatu yang melebihi daya kemampuan muridnya daripada aspek kefahaman dan penguasaan sesuatu pelajaran berdasarkan tahap umur dan kesediaan murid menguasai pelajaran. Guru juga tidak perlu menimbulkan permasalahan yang tidak ada dalam buku sehingga murid tidak dapat memahami keseluruhan pelajaran. Apabila murid telah mengembangkan keinginannya untuk mengetahui sesuatu disiplin ilmu, maka murid tersebut akan meningkatkan minatnya dengan lebih tinggi dan berusaha untuk menguasai dan mencapai ilmu tersebut sehingga menguasai keseluruhan ilmu.

Namun, apabila murid dikelirukan dalam subjek yang diajar, maka murid tidak akan dapat memahami sesuatu ilmu dan kesannya kepada pemikiran murid tersebut tumpul, tidak sanggup bekerja dan akan mudah putus asa sehingga menyisihkan ilmu yang sedang dipelajari (Ibnu Khaldun 2002; h. 765) (Ibnu Khaldun 2004; h. 685).

- ***Muhakah atau Taklid (Peniruan)***

Ibnu Khaldun juga menganggap kaedah ini antara kaedah yang penting dalam pengajaran dan antara kaedah yang berjaya dan memberi kesan dalam pengajaran. “*Muhakah*” atau “*Taklid*” bermaksud peniruan atau lakonan semula, iaitu murid akan





memindahkan apa yang dilihat melalui pancaindera penglihatan kepada perlakuan atau tingkah laku berdasarkan maklumat yang diperolehi (Abd Munir Bin Mohamed Noh 2010; h. 82).

Umumnya, guru dan ibu bapa hendaklah menunjukkan tingkah laku dan contoh yang baik kepada anak-anak kerana perbuatan mereka akan menjadi ikutan anak-anak tersebut. Ini memandangkan Allah SWT mempermudah urusan manusia memperoleh ilmu dalam jangka masa yang singkat apabila manusia berpegang kepada amalan para guru dan ibu bapa. Mereka yang tidak berpegang kepada unsur-unsur tersebut antaranya akan mengalami keperitan dalam kehidupannya serta memperoleh ilmu yang tidak bermanfaat sehingga perlakuannya dan kehidupannya menjadi rosak (Ibnu Khaldun 2002; hh. 530-531).



Abdullah al-Amin Na'mi (1994) menyatakan bahawa pemikiran Ibnu Khaldun ini memberi gambaran perbezaan antara manusia dan binatang dalam memberikan pengalaman, iaitu manusia akan mendapat faedah dalam kehidupan melalui pengalaman yang dilalui oleh orang-orang sebelumnya. Manusia akan menggunakan akal untuk menilai setiap perbuatan yang dilalui dan tidak mengulangi percubaan yang sama yang dilakukan oleh manusia lain untuk mendapat pengalaman. Perkara ini berbeza dengan binatang yang perlu mengulangi perbuatan yang dilakukan oleh binatang lain sepanjang hidupnya. Perbandingan ini memberikan ruang kepada manusia dalam memungkinkan mereka memindahkan warisan kebudayaan dan *social* oleh generasi terdahulu kepada generasi baharu sehingga kehidupan manusia berterusan serta diperbaharui dalam corak kemasyarakatan (Abdullah al-Amin Na'mi [terj. Ramzi Omar]1994 h. 104).





- ***Tajribah* (Percubaan)**

Ibnu Khaldun juga telah mengemukakan kaedah “*tajribah*” sebagai salah satu kaedah pengajaran yang penting dalam pemindahan ilmu dan makrifah. Beliau mengatakan bahawa “*tajribah*” atau percubaan berkait rapat dengan pengalaman dan penyaksian yang kedua-duanya berkaitan dengan pancaindera (Ibnu Khaldun 2002 h. 530). Beliau juga menyatakan bahawa seseorang pemerhati tidak akan mendapat atau mencapai sesuatu objektif dengan hanya melakukan pemerhatian namun ianya boleh mencapai objektif tersebut dengan percubaan. Dengan percubaan, maka murid akan dapat mengambil manfaat pengetahuan kerana mereka dapat mengalami secara langsung perkara-perkara yang ingin diketahui. Mereka juga akan mengetahui kebenaran dan kepalsuan secara nyata dan murid akan dapat memperolehi sesuatu ilmu dengan percubaan yang dilakukan oleh pancaindera (Ibnu Khaldun 2002; h. 530).

Ibnu Khaldun juga telah menyebut tentang kepentingan deria manusia sebagai asas dalam setiap pengajaran dan pembelajaran khususnya pengajaran bentuk teori dan meningkatkan potensi akal dalam aspek pemikiran. Oleh itu, beliau menyatakan bahawa asas kepada pengajaran adalah pengalaman yang melibatkan kaedah percubaan ialah deria yang sempurna. Pengalaman-pengalaman yang terbentuk daripada rangsangan deria ini cara umumnya akan membawa kepada pengajaran yang lebih berkesan dan bermakna (Abdullah al-Amin Na'mi [terj. Ramzi Omar]; 1994 h. 105).





- ***Al-Tikrar (Pengulangan)***

Antara pendekatan dalam pengajaran yang di bawa oleh Ibnu Khaldun ialah pengulangan iaitu kadang-kadang murid tidak memahami sesuatu pembelajaran pada peringkat pertama atau kedua. Maka, guru-guru disarankan supaya mengulangi semula pengajaran tersebut sehingga murid dapat memahaminya (Abdullah al-Amin Na'mi (terj. Ramzi Omar) 1994 h. 105). Persediaan pada ilmu tersebut dilakukan secara beransur-ansur iaitu melalui tiga peringkat, justeru itu sebaik-baik pengulangan hendaklah dilakukan sebanyak tiga kali. Ibnu Khaldun mengatakan

“Sebagaimana seseorang dapat menyaksikan, ia menghendaki tiga kali pengulangan. Beberapa murid dapat membebaskan dirinya sekadar kemampuannya, bergantung kepada keterampilan dan kecerdasan murid itu”

(Ibnu Khaldun., 2002 h.764) (Ibnu Khaldun., 2004 h. 684)



Langkah ini bertujuan supaya murid dapat memahami penjelasan yang diberikan oleh guru dengan baik dan tepat serta menambah kefahaman mereka dalam suatu disiplin ilmu yang dipelajari (Abd Munir Bin Mohamed Noh 2010; h. 86). Guru juga disarankan supaya tidak memindahkan pengajaran kepada tajuk yang lain apabila muridnya tidak dapat menguasai sesuatu disiplin ilmu yang diajar. Ilmu tersebut pada diri murid seolah-olah bebanan. Sekiranya murid masih belum menguasai sesuatu ilmu malahan diajar pula kepada satu ilmu yang lain akan menyebabkan mereka merasa terbeban dengan perkara atau tugas yang baharu (Ibnu Khaldun., 2002; h. 764) (Ibnu Khaldun., 2004; h. 684).





- **Tidak Mengambil Masa Yang Lama**

Ibnu Khaldun juga telah memberi pandangan bahawa seseorang guru tidak menggunakan masa dan memberikan waktu rehat yang terlalu lama dalam pengajaran sesuatu ilmu atau permasalahan. Ini akan menyebabkan murid akan mudah lupa dan mengabaikan apa yang dipelajarinya dengan perkara-perkara lain yang dihadapinya. Gangguan-gangguan yang berlaku akan menyukarkan seseorang murid untuk mendapatkan serta menguasai sesuatu ilmu pengetahuan. Ini kerana apabila seluruh permasalahan berada dalam minda murid. Maka kefahaman dan penerimaan murid akan dapat dicapai dengan lebih berkesan. Ibnu Khaldun mengatakan:

“ Adalah harus dipentingkan juga oleh guru-guru agar tidak menggunakan masa terlalu lama mengajar satu ilmu atau masalah istirehat di antara sesi dan waktu rehat. Ini akan menyebabkan murid mengalami sifat pelupa dan memutuskan pertalian di antara masalah lainnya, ilmu yang sedang dipelajari. Gangguan-gangguan seperti itu akan menyulitkan lagi perolehan sesuatu ilmu apabila seluruh isi pengajaran dari permulaan hingga akhir tercerap dalam fikiran, maka kepelbagaian ilmu akan lebih mudah dicapai dan lebih mantap kerana diperoleh melalui pengulangan-pengulangan kajian dan tindakan”

(Ibnu Khaldun., 2002; h. 765) (Ibnu Khaldun., 2004; h. 684).

- **Tidak Menggunakan Kekerasan**

Ibnu Khaldun melihat bahawa pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja memberi dan menerima ilmu semata-mata, tetapi juga sebagai satu usaha untuk membentuk akhlak dan keperibadian murid. Beliau telah mengemukakan pandangan secara langsung untuk panduan dan pedoman kepada guru tentang hukuman dan tindakan yang perlu





dilakukan kepada murid yang melakukan kesalahan supaya pengajaran menjadi lebih sempurna.

Ibnu Khaldun berpandangan bahawa seseorang guru tidak seharusnya menggunakan kekerasan terhadap kesalahan muridnya, kerana kekerasan akan merosakkan mereka dan sangat merbahaya terutama kepada anak-anak yang masih kecil. Tindakan-tindakan dalam bentuk kekerasan boleh menyebabkan kebiasaan yang buruk dalam kalangan murid. Beliau menyatakan murid yang dibesarkan dalam suasana kekerasan dan ketidakadilan akan menyebabkan mereka hidup tertekan dan kehilangan tenaga sehingga mereka akan menjadi malas dan akan mendorong mereka melakukan penipuan.



Tindakan yang dibuat berbeza dengan apa yang difikirkan, kerana mereka akan rasa takut kepada hukuman yang diterima sekiranya berkata benar yang menyebabkan mereka menipu dan sering melakukan helah untuk mengelakkan hukuman. Perkara ini akhirnya akan menjadi kebiasaan kepada murid yang akan menyebabkan kehilangan nilai-nilai murni yang sepatutnya diamalkan dalam perhubungan sosial (Ibnu Khaldun., 2002; h. 776) (Ibnu Khaldun., 2004; h. 692).

Ibnu Khaldun telah memberi contoh kaum Yahudi yang memiliki sikap dan peribadi buruk iaitu ketidakjujuran dan melakukan tipu muslihat kesan daripada kekerasan, kezaliman dan ketidakadilan. Oleh itu, Ibnu Khaldun telah menyarankan kepada para guru supaya tidak melakukan kekasaran dan paksaan kepada murid termasuk juga sikap seorang ayah dalam mendidik anak-anak (Ibnu Khaldun., 2002; h. 777) (Ibnu Khaldun., 2004; h. 692).



- **Rihlah (Pengembaraan)**

Ibnu Khaldun telah menyarankan pengembaraan atau “*rihlah*” sebagai kaedah pendidikan yang perlu dipraktikkan. Ini memandangkan seseorang manusia akan dapat mempelajari ilmu pengetahuan, budi pekerti, nilai-nilai pemikiran sama ada baik atau buruk melalui kajian, pengajaran, syarahan dan mengikut keperibadian seseorang guru yang didekati. Hubungan rapat yang dijalinan dengan seseorang guru lazimnya akan memberi pengaruh yang besar dan lebih kukuh dalam pembentukan ilmu seseorang.

Apabila seseorang individu mempelajari ilmu daripada guru yang ramai maka ilmu yang diperolehi semakin mendalam dan meningkatkan tahap kesarjanaan mereka (Ibnu Khaldun.,2002; h.778) (Ibnu Khaldun., 2004; h.693). Dengan mempelajari ilmu pengetahuan daripada guru yang ramai, seseorang individu juga dapat membezakan sesuatu pandangan, mengenali ilmu tersebut dengan lebih mendalam serta meningkatkan lagi tahap penguasaannya dalam ilmu tersebut. Selain itu, mereka juga dapat memperbaiki kekurangan ilmu yang sedia ada dan dapat membezakan dengan lapangan ilmu yang berlainan (Ibnu Khaldun, 2002; h. 778) (Ibnu Khaldun, 2004; h. 693).

Kesimpulannya, Ibnu Khaldun menyatakan:

“Maka mengembara mencari ilmu merupakan satu keharusan memperolehi pengetahuan yang bermanfaat dan ke arah kesempurnaan berilmu melalui bersemuka dengan para guru yang terkemuka dan mewujudkan hubungan peribadi dengan orang-orang yang berpengetahuan”

(Ibnu Khaldun 2002; h. 779) (Ibnu Khaldun 2004; h. 693).




Ibnu Khaldun merupakan seorang sarjana yang telah menyumbang kepada aspek pendidikan. Beliau terkenal sebagai ahli sosiologi dan juga sejarah. Pandangannya dalam bidang pendidikan antaranya adalah hasil pengalamannya dalam menuntut ilmu pengetahuan sehinggalah menjadi seorang ilmuan dan sarjana yang disegani. Kitab al-Muqaddimah merupakan sebuah karya ulung yang menjadi sumber rujukan yang penting sehingga ke hari ini dan diterjemahkan dalam pelbagai bahasa untuk memudahkan kefahaman pembacanya.

Kaedah-kaedah ini relevan dan amat baik untuk dipraktikkan dalam institusi-institusi pendidikan kini sebagai satu pedagogi dalam sistem pengajaran dan pembelajaran. Kajian-kajian lanjutan amat perlu dalam mendedahkan aspek-aspek pemikiran Ibnu Khaldun dalam kitab al-Muqaddimah antaranya berkenaan konsep dan bidang-bidang ilmu dalam pendidikan.



Rajah 1.2

Kerangka Model Kajian



(Sumber: Ibnu Khaldun, 2009; Ibrahim, 2015; Mohd Syaubari, 2017)



1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini menggunakan konsep yang diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun dalam membincangkan mengenai pengetahuan dan teknologi. Islam telah meletakkan proses keilmuan berteraskan pengetahuan yang digabung jalinkan dengan sumber "aqli" dan "naqli" iaitu sumber Rabbani yang mencakupi panduan wahyu dan ilham serta sumber insan iaitu akal dan pancaindera (Al-Tabari, 1978; Hasan Langgulung, 1975; Al-Ghazali, 1986; Ibnu Khaldun, 1993).

Menurut al-Ghazali (1993), kesemua ilmu yang ada pada manusia adalah daripada Allah SWT dan bukannya bersumberkan daripada manusia itu sendiri. Tugas manusia hanyalah melaksanakan penemuan kepada sesuatu ilmu yang telah wujud melalui akal mereka yang boleh membezakan di antara yang hak dan juga yang palsu. Penerapan ilmu atau metodologi pengajaran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam seharusnya memberikan tumpuan dan melihat kepada tokoh-tokoh ilmuan Islam yang telah membincangkan sama ada tentang pendidikan akal atau pengetahuan dalam penulisan mereka.


Antara tokoh tersebut adalah Ibnu Khaldun yang membincangkan hal berkaitan pengetahuan dalam kitabnya "*Muqaddimah*" (Ibnu Khaldun., 1993; Syaubari & Yunus, 2017). Berdasarkan tajuk yang telah dinyatakan, kajian ini memfokuskan terhadap pengetahuan yang dipelopori oleh Ibnu Khaldun menerusi aspek-aspek PTPK. PTPK merupakan konsep baharu dalam bidang pendidikan di mana ia adalah berdasarkan kepada idea Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) yang telah diutarakan oleh Shulman (1986,1987).



Menurut Mishra dan Koehler (2006), PTPK merupakan model serta teori asas yang merujuk kepada pengetahuan dan kefahaman yang diperlukan oleh guru-guru untuk mengintegrasikan teknologi dalam proses pengajaran secara berkesan. Model ini merangkumi tiga komponen teras, iaitu Pengetahuan Teknologi, Pedagogi, dan Kandungan. Interaksi tiga komponen utama ini telah menghasilkan empat komponen pengetahuan yang selanjutnya, iaitu PTP, PTK, PPK, dan PTPK (AACTE, 2008) Komponen-komponen ini dapat diperhatikan dan dijelaskan oleh **Rajah 1.3** yang menggambarkan model PTPK.

Rajah 1.3

Komponen Teknologi PedagogiKandungan



Sumber: (Mishra&Koehler,2006; Rusdi, 2017).

Menurut Mishra dan Koehler (2006), kerangka PTPK ini dibahagikan kepada beberapa komponen iaitu Pengetahuan Teknologi (PT- *Technological Knowledge*), Pengetahuan Kandungan (PK – *Content Knowledge*), Pengetahuan Pedagogi (PP – *Pedagogical Knowledge*), Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK - *Pedagogical Content Knowledge*), dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK – *Technological Pedagogical Content Knowledge*).

Sehubungan itu, pengetahuan yang dimaksudkan di dalam PTPK ini melangkaui definisi pengetahuan yang biasa, sebaliknya apa yang dikehendaki daripada maksud tersebut adalah pengetahuan yang boleh digunakan, atau “*usable knowledge*” (National Research Council [NRC], 2012). Ketika pertama kali ia diperkenalkan, PPK dilihat sebagai satu domain pengetahuan yang baharu di mana ia adalah berbeza daripada pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan umum berkaitan pengajaran. PPK digambarkan sebagai pengetahuan yang khusus bagi guru-guru mana ia dapat mengenalpasti keperluan pengetahuan subjek oleh guru yang berbeza daripada apa yang difaham oleh pakar isi kandungan subjek.

Ibnu Khaldun juga membawakan satu pemikiran teori yang menghasilkan ilmu, pandangan dan pengetahuan berkaitan perkara yang dikaji yang melangkaui pancaindera (Muhsin, 2014). Seperti yang telah dijelaskan, pemikiran ini sememangnya berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang melibatkan pembuktian tidak sempurna dan jawapan yang berkemungkinan tidak muktamad.


Berdasarkan kepada beberapa model dan teori yang dikemukakan oleh al-Ghazali (1939), Al-Syaibani (1975), “*Teacher Knowledge Developing In Context*” oleh



Fennema dan Franke (1992), model oleh Ibnu Khaldun (1994) dan Model TPACK oleh Mishra dan Koehler (2006), satu model konseptual kajian telah dibina untuk mengenal pasti tahap komponen PTPK GPI bagi pengajaran bidang Jawi di sekolah-sekolah rendah di Malaysia, seperti di **Rajah 1.4**.

Secara keseluruhannya, kerangka tersebut telah menjelaskan dengan terperinci tentang aspek-aspek pelaksanaan kajian melibatkan responden yang telah ditetapkan. Kerangka konseptual kajian ini diharap dapat menggambarkan tentang kajian ini secara keseluruhan bagi menjawab setiap soalan kajian yang telah ditetapkan.



Rajah 1.4*Kerangka Konseptual PTPK dan Amalan Pengajaran GPI*

(Sumber: Diubah suai daripada al-Ghazali (1939), Al- Syaibani (1975), Muhammad (2004) dan “*Teacher Knowledge Developing In Context*” oleh Fennema dan Franke (1992), Model TPACK Mishra dan Koehler (2006) dalam Mariah Lambak (2019).



1.11 Kepentingan Kajian

Perbincangan di atas jelas menunjukkan terdapatnya beberapa kajian yang dijalankan berkaitan bidang PTPK dan amalan pengajaran guru. Namun, masih terdapat kekangan dari segi kajian yang mengenal pasti perkaitan di antara faktor-faktor perbezaan bagi aspek-aspek tersebut dari segi pengalaman mengajar, serta infrastruktur dan prasarana sekolah di Malaysia secara empirikal dan sistematik. Sehubungan itu, kajian ini telah dijalankan untuk memberikan gambaran secara saintifik tentang penguasaan amalan PTPK dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) bagi KSSR bidang Jawi di seluruh Malaysia.

Secara amnya, dapatan beberapa kajian lepas telah mengetengahkan tentang kepentingan penguasaan teknologi, pedagogi, dan kandungan dalam proses dan amalan pengajaran guru, terutamanya dalam meningkatkan kefahaman murid-murid. Selaras dengan keperluan ini, kajian ini berusaha untuk mengenal pasti tahap semasa guru-guru Pendidikan Islam (GPI) daripada aspek penguasaan pengajaran KSSR Jawi berasaskan komponen PTPK. Kajian ini juga telah dijalankan bagi mengkaji hubungan di antara komponen PTPK dengan aspek-aspek amalan pengajaran bidang Jawi.

Maka, hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada para guru yang berkenaan, khususnya guru-guru Pendidikan Islam (GPI), di samping meningkatkan kesedaran mereka dalam meneruskan amalan dan pengintegrasian teknologi bagi pengajaran KSSR bidang Jawi di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia. Hasil daripada kajian ini juga diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) tentang aspek-aspek PTPK dan tahap aplikasi





teknologi serta sumbangannya terhadap amalan pengajaran bidang Jawi. Kajian ini juga berpotensi untuk memberikan gambaran tentang tahap semasa bagi aspek-aspek PTPK oleh guru-guru Pendidikan Islam (GPI) dalam melaksanakan proses pengajaran bidang Jawi. Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan bagi para guru-guru Pendidikan Islam (GPI) membuat refleksi terhadap amalan pelaksanaan proses pengajaran dalam kelas agar selari dengan kehendak dan peredaran pembelajaran. (PAK21).

Bagi pihak sekolah pula, dapatan kajian ini dianggap bermakna dan berguna kerana amalan teknologi pengajaran ini dapat memperkayakan kaedah pengajaran sedia ada, memandangkan masihi terdapat ramai guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah-sekolah kebangsaan yang masih kurang mengamalkan kaedah pengajaran berasaskan teknologi semasa pengajaran sub bidang mata pelajaran Pendidikan Islam. Kefahaman dan strategi proses pengajaran dalam interaksi dan pertemuan bicara ilmu dan latihan pembangunan staf atau dalam kursus dalaman peningkatan kompetensi guru dapat dilaksanakan oleh pihak-pihak pengurusan sekolah berdasarkan dapatan aspek-aspek PTPK yang telah dikenal pasti.

Di peringkat institusi pengajian tinggi, kajian ini telah memberikan input yang berguna kepada universiti-universiti awam (UA) atau institusi-institusi pendidikan guru (IPG) yang terlibat secara langsung dalam melahirkan para tenaga pengajar di sekolah-sekolah di Malaysia. Maklumat yang diperolehi daripada kajian ini amat penting bagi pihak yang bertanggungjawab bagi merangka kandungan program yang komprehensif dan relevan untuk diterapkan dalam kalangan guru pelatih. Penerapan unsur-unsur





PTPK merupakan antara usaha yang penting untuk memenuhi keperluan semasa murid dan sekolah yang semakin dinamik dan mencabar.

Penyelidikan yang melibatkan perkaitan komponen-komponen PTPK berdasarkan pelbagai faktor yang dikaji ini telah menjadikan salah sebuah universiti awam di Malaysia iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai perintis kajian. Dapatan tambahan mengenai perkaitan komponen-komponen PTPK dengan penguasaan amalan pengajaran bidang Jawi ini dapat menyumbangkan maklumat yang baharu dalam penyelidikan berkaitan bidang Pendidikan Islam, khususnya bagi Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI.

Kajian ini juga dapat memberikan input yang berguna kepada KPM kerana pada masa kini, kajian yang melihat secara khususnya kepada aspek PTPK dalam kalangan GPI didapati masih lagi tidak dijalankan di negara ini. Penemuan kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada pihak KPM untuk mengenal pasti sama ada para guru di sekolah-sekolah rendah, termasuklah guru-guru Pendidikan Islam (GPI), berupaya untuk meningkatkan peranan mereka yang utama sebagai guru mata pelajaran di sekolah masing-masing.

Selain itu, hasil kajian ini juga dapat membantu usaha-usaha pihak kementerian merangka beberapa program yang bermanfaat untuk guru-guru Pendidikan Islam (GPI) dalam memastikan mereka dapat memperkembangkan dan meningkatkan ilmu dan kemahiran berkaitan PTPK, selaras dengan keperluan pembelajaran semasa. Program-program yang dirangka ini seharusnya lebih menjurus kepada latihan kemahiran teknologi dan penguasaan terhadap PP dan PK bagi para guru supaya fungsi sekolah





sebagai pusat perkembangan ilmu dan melahirkan sumber manusia yang berkualiti dapat dipertingkatkan dan sentiasa terpelihara. Maka, dapatan kajian ini dapat menjadi salah satu sumber rujukan oleh pihak KPM di dalam pengurusan sumber manusia dengan kriteria-kriteria yang bersesuaian bagi guru-guru Pendidikan Islam (GPI).

Seterusnya, hasil kajian ini juga dapat membantu pihak yang bertanggungjawab di Bahagian Kurikulum, Sektor Pendidikan Islam (SPI), KPM dalam mengenal pasti masalah dan isu yang dihadapi ketika pelaksanaan pengajaran bidang Jawi yang telah dilaksanakan sejak hampir dekad di sekolah-sekolah rendah seluruh negara ini. Justeru, kajian ini dapat memberikan panduan kepada usaha-usaha ke arah memantapkan pelaksanaan pengajaran bidang Jawi.



dibangunkan secara empirikal melalui kajian ini yang diberi nama “Model Peningkatan Bidang Jawi Berasaskan Pembelajaran Teradun” (*Blended Learning*). Model ini dilihat mampu menyokong usaha-usaha penyelidikan ke arah meningkatkan penguasaan amalan pengajaran guru yang berasaskan komponen-komponen PTPK. Dengan itu, hasil kajian ini dapat mengisi kelompongan (jurang) dan kekurangan bahan rujukan sedia ada dalam bidang kajian berkaitan teknologi dan pendekatan pembelajaran teradun, khususnya dalam sistem pendidikan di Malaysia. Ini bukan sahaja dapat dimanfaatkan oleh ahli akademik, bahkan juga pengkaji dan pengamal instruksional dalam negara mahupun di peringkat global.

Selain itu, dapatan kajian ini juga boleh dijadikan asas dan sumber rujukan bagi kajian-kajian akan datang bagi pembangunan kurikulum bidang Jawi dan peningkatan





pendekatan pengajaran guru-guru Pendidikan Islam (GPI) mengaplikasikan PTPK semasa proses pengajaran. Keupayaan dan kemahiran para guru-guru Pendidikan Islam (GPI) dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pembimbing generasi muda kini dapat melengkapkan diri mereka sebagai “*muallim*” yang professional dan berwibawa. Peranan yang lengkap ini juga secara tidak langsung dapat meletakkan kedudukan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah-sekolah sebagai contoh ikutan yang terbaik atau “*role model*” yang berkesan bagi pembangunan murid-murid ke arah merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Kesimpulannya, kajian ini merupakan kajian yang baharu dan terkini (*novelty*) serta menjadi perintis bagi kajian-kajian akan datang berkaitan bidang Pendidikan Islam di Malaysia, terutamanya yang memfokuskan kepada aspek-aspek pendekatan pengajaran dan pembelajaran teradun. Kajian ini juga dilihat sangat penting dalam bidang literatur berkaitan melalui penghasilan item instrumen soal selidik baharu di dalam konteks pengetahuan teknologi bagi amalan pengajaran guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di Malaysia.

Akhirnya, kajian ini dijangka dapat membantu usaha-usaha besar di peringkat kebangsaan ke arah merealisasikan matlamat pembestarian sekolah, iaitu memanfaatkan TMK bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan seterusnya memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Dengan itu, kajian ini telah mengetengahkan harapan agar pihak-pihak berkaitan, seperti penggubal dasar-dasar pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), dan pihak-pihak pentadbir sekolah, dapat mengambil kira





dan mengaplikasikan hasil cadangan kajian bagi merangka usaha-usaha yang lebih efektif ke arah menjayakan amalan pengajaran berasaskan pembelajaran teradun.

1.12 Batasan Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap PTPK dan amalan pengajaran dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah-sekolah kebangsaan seluruh Malaysia. Secara spesifiknya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh konstruk-konstruk utama ke atas amalan pengajaran guru-guru Pendidikan Islam (GPI) dalam melaksanakan pengajaran bagi bidang Jawi dalam bilik darjah dengan mengintegrasikan penggunaan teknologi ketika proses-proses amalan pengajaran. Namun, dapatan yang diperoleh perlulah diambil kira berdasarkan beberapa batasan kajian seperti di bawah.

Kajian ini telah dilaksanakan menggunakan kaedah tinjauan iaitu melibatkan pengumpulan data berdasarkan maklum balas daripada sampel kajian yang menjawab soal selidik secara maya melalui aplikasi *Google Form*. Memandangkan kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap PTPK dan amalan pengajaran dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia, dapatan yang diperoleh bergantung sepenuhnya kepada tahap kerjasama, kejujuran, dan keikhlasan para guru sebagai responden kajian.

Maka, ketulenan dan kesahan dapatan kajian ini sangat dipengaruhi oleh ketelusan mereka dalam memberi maklum balas bagi menjawab setiap item soal selidik.





Tambahan lagi, sebarang gangguan atau halangan semasa proses pengumpulan data, seperti bilangan sampel yang tidak menjawab soal selidik dengan sempurna yang besar, dapat menyebabkan kepincangan proses pengumpulan data dan menjejaskan serakan taburan data sampel yang mewakili populasi kajian.

Selain itu, pensampelan kajian ini juga hanya memfokuskan kepada populasi guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia. Oleh itu, dapatan kajian ini berkemungkinan terbatas kerana hanya merangkumi persekitaran dan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah-sekolah rendah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sahaja. Walaupun dapatan kajian dapat digeneralisasikan secara amnya, ianya masih terhad kepada guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang mempunyai latar belakang dan ciri-ciri berdasarkan sistem pendidikan kebangsaan sedia ada di negara ini. Antaranya termasuklah dari segi tahap pengetahuan teknologi, persekitaran sekolah, kemudahan infrastruktur dan prasarana sekolah, latihan dan kursus yang dihadiri, serta pengalaman mengajar yang setara dengan peringkat sekolah rendah.

Kesimpulannya, batasan-batasan kajian yang telah dibincangkan ini telah menerangkan dengan jelas tentang skop dan ketelusan kajian ini dalam menjelaskan tahap PTPK dan amalan pengajaran bagi bidang Jawi dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia.





1.13 Definisi Operasional

Beberapa istilah telah digunakan dalam menerangkan tentang pelaksanaan kajian ini. Penerangan tentang istilah-istilah ini dihuraikan melalui definisi secara operasional dan dijelaskan mengikut konteks kajian ini bagi memudahkan pemahaman dan perkaitan mereka dalam perbincangan kajian.

1.13.1 Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK)

Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) merujuk kepada pengajaran yang menggunakan teknologi dan pendekatan pedagogi dalam menyampaikan sesuatu kemahiran atau isi kandungan kurikulum kepada murid-murid (Mishra & Koehler, 2006; Shulman, 1986).

Dalam kajian ini, PTPK bermaksud keupayaan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) mengadun, mengintegrasikan, dan memindahkan pengetahuan tentang teknologi, pedagogi, dan kandungan subjek bagi sesuatu kemahiran atau topik agar mudah difahami oleh semua murid, dengan mengambil kira pengetahuan berkaitan teknologi, pedagogi, dan kandungan ketika proses pengajaran dalam bilik darjah.

Sebagai seorang guru, adalah menjadi tanggungjawab memastikan kualiti pengajaran di sekolah dapat menjamin kecemerlangan pencapaian murid dalam bidang yang diajar (Aidawati Abd Rahman, 2021). Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang cenderung untuk menerapkan teknologi digital perlu menggunakan ruang dan peluang





yang ada untuk membawa perubahan besar kepada budaya sekolah. Ini akan memberi kesan positif terhadap sistem pendidikan di Malaysia, yang bertujuan menggunakan elemen teknologi dan penguasaan digital untuk meningkatkan kebolehpasaran murid dalam era pendidikan.

Pengertian ini adalah selari dengan maksud PTPK yang merujuk kepada pengetahuan bagaimana teknologi diaplikasikan dalam pengajaran. Ia juga berkaitan dengan kefahaman bahawa penggunaan teknologi dapat membantu mempelbagaikan teknik pengajaran di mana teknologi tersebut boleh digunakan untuk menyampaikan kandungan pengajaran secara berkesan.



1.13.2 Pengetahuan Teknologi (PT)



Pengetahuan Teknologi (PT) dalam kajian ini merujuk kepada pengetahuan yang diperlukan oleh guru-guru Pendidikan Islam (GPI) bagi menggunakan alatan dan perkakasan teknologi untuk melaksanakan pelbagai proses pengajaran. Teknologi dan kompetensi guru dalam penggunaan teknologi ialah elemen penting dalam meningkatkan pengetahuan dan kualiti guru (Zaira, Zolkefli & Saidon, 2016; Rusd, 2017; Donkor, 2018). Sehubungan itu, PT juga merupakan pengetahuan yang melangkaui maksud pengetahuan yang biasa di mana keperluan maksud sebenarnya merujuk kepada pengetahuan yang boleh digunakan, atau “*usable knowedge*”.

Pengetahuan Teknologi bagi kajian ini membawa maksud pengetahuan teknologi pendidikan dalam bentuk pengaplikasian bagi situasi sebenar yang





melibatkan pelbagai jenis teknologi ketika proses-proses pengajaran (Muhammad Ismail, 2016; Ravendran & Daud, 2019). Adalah menjadi tugas guru-guru Pendidikan Islam Pendidikan Islam PI (GPI) mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran bilik darjah khususnya dalam pengajaran bidang Jawi dengan cara yang bermakna dan canggih.

Guru-guru Pendidikan Islam PI (GPI) harus bersedia untuk mengintegrasikan teknologi dalam amalan pengajaran bilik darjah. Anjakan paradigma ini memberi impak yang besar dalam hubungan guru dan murid, murid dan murid, serta murid dan bahan pembelajaran. Penggunaan teknologi bersama dengan kualiti isi kandungan yang tinggi, pedagogi dan reka bentuk pengajaran boleh menambah baik pengalaman pembelajaran dan kesannya pengajaran dan pembelajaran semakin memberi impak dalam sistem pendidikan masa kini.

PT merangkumi penggunaan pelbagai teknologi media seperti teks, audio, video, imej, grafik, animasi yang digabungkan untuk mendapat, menyimpan dan sebagai alat penyebaran maklumat. Dalam kajian ini, PT merujuk kepada penggunaan komputer, penggunaan internet serta bahan perisian yang dibekalkan oleh KPM dalam pengajaran.

1.13.3 Pengetahuan Pedagogi (PP)

Pengetahuan Pedagogi (PP) adalah bentuk generic pengetahuan sedia ada untuk memahami bagaimana murid-murid belajar dan juga tentang kemahiran pengurusan





bilik darjah secara umum, perancangan pengajaran, dan penilaian murid (Koehler & Mishra, 2009; Shulman, 1986; KPM, 2018; Abdul Said Ambotang, 2023). Lantaran itu, PP dilihat sangat penting untuk menentukan penyampaian isi pelajaran dapat dilakukan dengan berkesan terhadap murid. PP ini juga bertindak sebagai satu kepercayaan dalam menggunakan pendekatan, strategi serta kaedah yang digunakan dalam penyampaian kurikulum.

Pengetahuan Pedagogi merujuk kepada pengetahuan yang mendalam dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) tentang proses pengajaran, termasuklah pengetahuan dalam pengurusan bilik darjah, murid, serta pembelajaran, penilaian, dan refleksi (Zarina, 2016; Nur Hanani Hussin & Ab Halim Tamuri, 2017; Mohd Rohiman Subri, 2021). Secara amnya, guru-guru Pendidikan Islam (GPI) perlu memahami teori-teori pedagogi khusus agar mereka tidak ketinggalan dalam memperkasakan kaedah-kaedah pengajaran ke arah menghasilkan suasana pengajaran yang berkesan.

Menurut Wiseman et.al (1999) menyatakan pengetahuan pedagogi adalah merujuk kepada bagaimana sesuatu tajuk atau isi pelajaran boleh disampaikan kepada murid dengan cara berkesan. Dengan kata lain, seseorang guru belajar cara mengajar dan mahir menggunakan kaedah, strategi atau teknik yang sesuai. Pengajaran boleh dihuraikan sebagai memberikan arahan-arahan kepada atau berkongsi pengetahuan dengan orang lain. Ia juga adalah sebagai salah satu cara menyediakan murid dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berfungsi dengan baik.

Menurut Ee Ah Meng (1997) pengajaran boleh diertikan sebagai proses penyampaian kemahiran, ilmu pengetahuan, sikap dan nilai-nilai. Ia akan menyebabkan





perubahan tingkah laku seseorang murid, Yaxley, B.G (1991) pula, mengatakan pengajaran adalah merupakan satu tindakan bertujuan untuk membawa perubahan dari segi kepercayaan, nilai dan makna. Jadi pengajaran adalah bersangkutan paut dengan pengesahan, perubahan, peninjauan semula, penilaian, dan penghuraian kepercayaan, nilai-nilai serta pengertian.

Secara praktisnya, pengajaran merupakan suatu yang diagnostik dan preskriptif. Guru menilai keperluan-keperluan pembelajaran yang spesifik dan mengaplikasikan strategi-strategi serta aktiviti-aktiviti yang sesuai untuk murid. Secara ringkasnya, pengajaran ialah; melibatkan diri dalam pembelajaran dan pertumbuhan sepanjang hayat, berkongsi pengetahuan, membimbing, mengarah, memudah cara, mengasuh dan merancang. Pengajaran juga menentukan matlamat untuk diri dan pelajarnya serta menghadapi cabaran peribadi dan profesional. Maka, pengajaran merupakan proses untuk menyampaikan dan menyumbang idea-idea serta memudah cara pembinaan ilmu, menentukan standard dan menggalakkan kreativiti, membantu murid untuk belajar dan mencabar murid ke arah pencapaian potensi yang optimum.

Dalam konteks kajian ini, pengajaran bermaksud keupayaan guru untuk menggunakan pengetahuan sedia ada serta pengalaman yang dimiliki untuk disampaikan kepada murid dengan menterjemahkan isi kandungan subjek bertepatan dengan pengetahuan sedia ada murid, minat dan kebolehan murid dengan tujuan isi kandungan itu mudah difahami oleh semua murid. Lantaran itu, guru-guru Pendidikan Islam (GPI) seharusnya mempunyai Pengetahuan Pedagogi yang kukuh dalam diri mereka kerana Pengetahuan Pedagogi merupakan aspek terpenting untuk memastikan keberkesanan dalam penyampaian pengajaran, seterusnya dapat memberi panduan





kepada seluruh guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang lain terhadap keperluan melengkapkan diri dengan PP dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang Jawi. Pengetahuan Pedagogi yang baik akan menentukan corak dan hala tuju pengajaran seseorang guru dengan melibatkan pemilihan pendekatan yang akan digunakan dalam pengajaran.

1.13.4 Pengetahuan Kandungan (PK)

Pengetahuan Kandungan (PK) merujuk kepada pengetahuan sebenar guru tentang isi kandungan subjek yang diajar, pengetahuan tentang fakta, konsep utama dalam bidang, serta hubungan di antara aspek-aspek ini (Shulman, 1986). Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) perlu mempunyai pemahaman tentang isi kandungan subjek (*subject matter*) yang melangkaui tajuk-tajuk yang terkandung dalam kurikulum Pendidikan Islam. Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) bukan sahaja mampu menyampaikan maklumat tentang isi kandungan subjek, malahan dapat menjelaskan tentang kepentingan pemahaman isi kandungan subjek tersebut serta perkaitannya dengan isi kandungan subjek lain.

Pengetahuan Kandungan merupakan perkara yang melibatkan pengetahuan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) menterjemahkan pengetahuan tersebut dalam bilik darjah serta kemahiran dalam mengajart opik-topik khusus berkenaan perkara yang hendak diajar (Nik Mohd Rahimi et al., 2012; Zarima et al., 2016; Wan Marzuki & Hafizoah, 2016; Muhammad Hafizan eta al., 2017). Pengetahuan Kandungan adalah isi kandungan merupakan suatu konstruk yang digunakan untuk menjelaskan bidang



kefahaman seseorang guru terhadap mata pelajaran yang diajar sebelum diterjemahkan dalam bentuk pengajaran dalam bilik darjah.

Justeru, sebagai guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang ditugaskan untuk mengajar ilmu dan kemahiran bidang Jawi kepada murid, Pendidikan Islam (GPI) harus memastikan mereka terlebih dahulu menguasai dengan baik komponen-komponen pengkaedahan yang terkandung dalam kurikulum bidang Jawi. Pengetahuan Kandungan merupakan asas terpenting menghasilkan pengajaran bidang Jawi yang berkesan kerana aspek Pengetahuan Kandungan adalah teras utama kepada ciri-ciri kecemerlangan seseorang guru serta elemen penting dalam keberkesanan pedagogi abad ke-21.

1.13.5 Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK)

Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) merujuk kepada pengetahuan tentang cara-cara pengajaran yang terbaik berdasarkan kepada pengetahuan kandungan. (Noraini, 2015). Seorang guru yang berkesan dapat menjelmakan pengetahuan kandungan di dalam sesuatu mata pelajaran agar dapat membuat keputusan dan tindakan yang bersesuaian dengan keperluan kurikulum bagi mata pelajaran yang diajar.

Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) adalah apa yang guru-guru tahu mengenai mata pelajaran yang diajar dan bagaimana guru mengaplikasikannya ketika mengajar dalam bilik darjah berdasarkan kurikulum (Carter 1990). Lantaran itu, Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) merupakan kefahaman guru yang mendalam



tentang kandungan yang akan diajar dan perlu selaras dan menepati spesifikasi kurikulum atau sukatan pelajaran (Shulman 1987; Calderhead 1996; Borko & Putnam 1996; Cochran 1997; Wiseman et.al. 1999; Nik Azis; 1999; Tengku Zawawi 2005; Nurulhuda 2015).

Kedalaman PPK guru-guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap isi pelajaran bidang Jawi yang diajar dilihat memainkan peranan yang besar dalam membantu meredakan proses merangka persediaan pengajaran (Khairunnisa & Anuar, 2016; Naquiah Nahar & Jimaain Safar, 2017). Lantaran itu, pemilihan strategi, pendekatan, kaedah serta teknik harus bersesuaian dengan aktiviti pengajaran bidang Jawi yang akan dilaksanakan dalam kelas PPK sesuatu mata pelajaran merupakan elemen yang saling berkait rapat dan mempunyai timbal balik dengan keupayaan aspek pedagogi seseorang



Walupun terdapat guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang mempunyai kebolehan dan kemahiran dalam mengaplikasikan penggunaan strategi dan kaedah yang baik serta bersesuaian dengan pengajaran, namun jika tidak disertai dengan kefahaman guru yang mendalam terhadap isi kandungan yang disampaikan. Maka, pengajaran yang dilaksanakan tidak akan memberi erti dan tidak akan menghasilkan pengajaran Jawi yang berkesan. Sehubungan itu, bagi kajian ini, PPK adalah berdasarkan kepada bagaimana guru-guru Pendidikan Islam (GPI) dapat menggunakan pengetahuan yang dimiliki untuk diterjemahkan ke dalam proses pengajaran, khususnya bagi bidang Jawi.





Bagi tujuan kajian ini, Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) bermaksud keupayaan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) menggunakan pengetahuan yang sedia ada serta pengalaman yang dimiliki untuk disampaikan kepada murid dengan menterjemahkan isi kandungan subjek bertepatan dengan pengetahuan sedia ada murid, minat dan kebolehan murid dengan tujuan isi kandungan itu mudah difahami oleh semua murid. Pendekatan pengajaran yang dilihat bagi kajian ini adalah pengajaran pengetahuan pedagogi kandungan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) dalam menyampaikan isi pelajaran.

1.13.6 Pengetahuan Teknologi Kandungan (PTK)

Pengetahuan Teknologi Kandungan (PTK) merupakan satu pengetahuan yang unik di dalam komponen PTPK (Rohaila et al., 2017), ia merujuk kepada keperluan pengetahuan teknologi yang semakin penting untuk dikuasai oleh para guru mempelbagai bidang pengajaran pada masa kini. PTK dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) sangatlah penting bagi memastikan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) mahir mengendalikan sesuatu teknologi. Dalam pengajaran bidang Jawi khususnya PTK merupakan elemen yang penting bagi membantu proses pengajaran guru yang berkesan.

Justeru itu, guru-guru Pendidikan Islam (GPI) perlu mahir memilih alatan teknologi berlandaskan objektif pengajaran. Pemilihan alat-alat teknologi yang betul dengan objektif pengajaran akan memastikan pengajaran dapat dijalankan dengan lebih efektif (Chong & Shafee, 2017; Siew Chee, 2020). Bagi memastikan pengajaran yang





mengintegrasikan teknologi dapat dilaksanakan, tahap PTK guru-guru Pendidikan Islam (GPI) seharusnya berada pada tahap yang tinggi. Ini adalah bagi memastikan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang melaksanakan pengajaran berintegrasikan teknologi dapat mencapai pengajaran berkesan sekaligus dapat memberi kefahaman kepada murid.

Pengetahuan Teknologi Kandungan dalam kajian ini, merujuk kepada pengetahuan yang amat diperlukan oleh guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah-sekolah rendah untuk membolehkan mereka memilih serta mengenal pasti jenis-jenis perkakasan teknologi pendidikan masa kini yang sesuai untuk digunakan bagi membantu proses pengajaran Pendidikan Islam, khususnya bidang Jawi.



1.13.7 Pengetahuan Teknologi Pedagogi (PTP)

Secara amnya, guru-guru seharusnya kompeten dan berupaya untuk memahirkan diri melayari internet kerana ia merupakan sumber terbuka yang utama pada masa kini (Norasmahani, 2017). Dalam kajian ini, Pengetahuan Teknologi Pedagogi (PTP) merujuk kepada pengetahuan tentang perkakasan dan alatan teknologi pendidikan yang boleh digunakan oleh para guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah-sekolah rendah memperkayakan penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi bidang Jawi.

Pengetahuan Teknologi Pedagogi (PTP) merupakan kemampuan dan keupayaan Pendidikan Islam (GPI) memilih dan memanfaatkan teknologi yang sesuai





untuk melaksanakan proses pengajaran. Pengetahuan Teknologi Pedagogi (PTP) juga menekankan bahawa guru-guru Pendidikan Islam (GPI) bukan sahaja mampu memilih dan menggunakan teknologi, tetapi guru juga perlu menyampaikan pengajaran menggunakan strategi yang sesuai dan menjadikan teknologi sebagai alat memudahkan proses pengajaran.

1.13.8 Amalan Pengajaran

Menurut Kamus Dewan (2005), perkataan "amal" bermaksud apa sahaja yang dilakukan, perbuatan, pekerjaan, atau perbuatan baik yang memberikan faedah kepada orang lain. Sementara itu, perkataan "amalan" bermaksud sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan, dikerjakan sebagai suatu kebiasaan, perbuatan baik, atau kebajikan (Kamus Dewan, 2005).

Secara umumnya, istilah amalan merujuk kepada satu siri tindakan guru yang sistematik dan tersusun untuk mencapai objektif pengajaran secara spesifik dalam jangka masa pendek (Mok, 1997; Ting & Muhamad Sidek, 2007), manakala (Razali Azman et al., 2013; Anuar & Nelson, 2015; Zuliana, 2015) pula mentakrifkan amalan sebagai perancangan bagi melaksanakan sesuatu pengajaran secara teratur, kemas dan sistematik melalui langkah-langkah atau peringkat-peringkat pengajaran yang tersusun dan kesinambungan yang harus dituruti dengan saksama bagi mencapai sesuatu matlamat pengajaran.





Justeru itu, “amalan” dalam kajian ini merujuk kepada suatu perbuatan, pelaksanaan, atau tingkah laku yang menjadi kebiasaan dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam PI (GPI) bagi pengajaran bidang Jawi dalam bilik darjah. Amalan pengajaran guru-guru PI (GPI) amat berperanan sebagai sumber kefahaman, minat dan komitmen murid dalam proses pengajaran.

Bagi aspek pengajaran, menurut Rohizani et al. (2005), Ab. Halim et al. (2004), dan Mok Soon Sang (2002), ia merujuk kepada suatu proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian, dan maklum balas pembelajaran. Pengajaran merangkumi penyediaan rancangan mengajar serta penggunaan kaedah, teknik pengajaran, dan bahan sumber tertentu.



Dalam konteks kajian ini, pengajaran merupakan satu proses pelaksanaan oleh

guru-guru Pendidikan Islam PI (GPI) di sekolah-sekolah rendah dalam mendidik murid-murid agar dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi. Amalan pengajaran yang dikaji dalam kajian ini merangkumi empat peringkat atau elemen pengajaran bidang Jawi, iaitu permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran, dan bahan bantu mengajar (BBM).

1.13.9 Pengalaman Mengajar

Menurut Ainun Rahmah et al. (2017), pengalaman mengajar merujuk kepada tempoh dan masa yang digunakan oleh guru-guru dalam melaksanakan profesion mereka sebagai tenaga pengajar. Berdasarkan tempoh waktu ini, Norazlin et al. (2019)





mengklasifikasikan guru kepada tiga kategori, iaitu guru berpengalaman, guru pertengahan, dan guru biasa.

Bagi konteks kajian ini, pengalaman mengajar merujuk kepada pengalaman guru-guru Pendidikan Islam (GPI) semasa mengajar KSSR Pendidikan Islam. Selaras dengan objektif kajian ini, pengalaman mengajar mereka diukur berdasarkan jumlah tahun mengajar bagi KSSR mata pelajaran Pendidikan Islam secara umumnya dan bidang Jawi secara khususnya.

1.14 Kesimpulan

Bab pertama ini telah memperkenalkan dan membincangkan isu-isu berkaitan tajuk kajian serta menerangkan idea asas struktur kajian yang telah dijalankan secara menyeluruh. Bagi menerangkan kandungan dengan lebih sistematik, penulisan dalam bab ini telah dibahagikan mengikut beberapa sub-tajuk tertentu. Antaranya adalah pendahuluan serta latar belakang dan permasalahan kajian yang telah dibincangkan secara teratur sebagai panduan asas tentang pelaksanaan kajian.

Selaras dengan matlamat utama kajian, bab ini juga telah menggariskan enam objektif dan persoalan kajian berdasarkan permasalahan kajian yang perlu ditangani, di mana beberapa hipotesis kajian yang berkaitan telah dibina untuk mencerminkan ramalan hubungan di antara pemboleh ubah yang diuji melalui kaedah yang dibincangkan dalam bab 3, serta sumbangan dan kepentingan kajian yang perlu dicapai. Akhir sekali, kerangka kajian serta batasan kajian dan definisi operasional telah





dinyatakan serta dihuraikan secara ringkas bagi menggambarkan struktur asas kajian ini.

Dalam bab-bab seterusnya, penulisan tesis ini disusun mengikut ketetapan urutan berikut. Bab berikutnya iaitu Bab 2 adalah “Tinjauan Literatur” yang membincangkan secara menyeluruh tentang aspek-aspek berkaitan PTPK dan tajuk kajian secara umum, amalan pengajaran guru daripada konteks sistem pendidikan Malaysia, serta penjelasan terperinci tentang teori-teori yang mendasari konstruk-konstruk kajian. Kemudian, Bab 3, iaitu “Metodologi” membincangkan secara khusus tentang pelaksanaan kajian ini yang merangkumi teknik persampelan, instrument kajian, kaedah pengumpulan data, alatan dan prosedur analisis data, serta dapatan kajian rintis.



Seterusnya, Bab 4 iaitu “Dapatan Kajian” membentangkan hasil-hasil analisis statistik data kajian secara terperinci, termasuklah pembuktian hipotesis-hipotesis kajian. Akhir sekali, Bab 5 iaitu “Perbincangan, Kesimpulan dan Cadangan” membincangkan serta merumuskan dapatan kajian, yang membawa kepada perbincangan implikasi, sumbangan, dan batasan kajian. Secara keseluruhannya, penulisan tesis ini dapat mengetengahkan cadangan-cadangan yang signifikan dan isu-isu berkaitan yang dapat dilaksanakan oleh kajian-kajian akan datang.

